



DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 06 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

**Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)**

**Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)**

**Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)**

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)
Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara
Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Hairudin bin Omar

Pelapor Perbahasan
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Bagi Mesyuarat Ketiga bagi Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas Pada 6 November 2015 dimulakan dengan :

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Selamat Pagi kepada semua Ahli Yang Berhormat. Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Terima kasih kepada Tuan Speaker, soalan nombor 79.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : KEBAJIKAN

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah kerajaan mempunyai program bantuan baik pulih kerosakan rumah akibat kebakaran kepada keluarga berpendapatan rendah?
- b) Apakah kriteria melayakkan untuk mendapatkan bantuan tersebut?
- c) Berapakah nilai maksimum yang boleh diterima kepada yang layak?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tanjung Sepat. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin apabila terjadi sesuatu bencana seperti kebakaran yang mengakibatkan kemusnahan rumah sama ada keseluruhan ataupun separa musnah. Terdapat bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Portfolio Kerajaan Prihatin iaitu bantuan bina semula rumah bagi rumah yang musnah keseluruhan akibat kebakaran ataupun bantuan baik pulih rumah yang terjejas separa musnah akibat kebakaran. Bantuan membina semula rumah dan

baik pulih kerosakan rumah akibat kebakaran untuk keluarga berpendapatan rendah dan boleh dipohon melalui Pejabat Daerah yang menepati kriteria berikut pertama daripada keluarga miskin dan berpendapatan isi rumah bawah 1500, kedua tanah adalah milik sendiri, rumah juga adalah milik sendiri dan ia mestilah rumah lot atau rumah desa. Pembinaan semula rumah baru bergantung pada saiz keluarga yang terlibat dan maksima adalah bernilai 35,000 dengan tiga buah bilik manakala kos maksima bagi bantuan baik pulih rumah yang terjejas separa musnah adalah RM20 ribu. Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga terdapat Program Bantuan Baik Pulih Kerosakan Rumah Akibat Kebakaran kepada mangsa yang terlibat. Bantuan adalah maksima sebanyak RM5 ribu.

Antara kriteria kelayakan bagi Program Bantuan Baik Pulih Kerosakan Rumah daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat;

- i) Rumah mangsa kebakaran adalah rumah milik sendiri
- ii) Mangsa adalah warganegara Malaysia

Kerajaan Negeri juga melalui Tabung Bencana Khas Negeri Selangor telah memperuntukkan bantuan kewangan sejumlah RM500 bagi mangsa kebakaran rumah yang musnah keseluruhannya dan RM250 bagi mangsa kebakaran rumah yang musnah sebahagian sahaja. Tabung Bencana Khas Negeri Selangor juga memperuntukkan sejumlah RM1,000 bagi waris mangsa yang meninggal dunia akibat bencana. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Tambahan.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Tuan Speaker. Tadi merujuk dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO bahawa kerajaan sangat prihatin terhadap untuk membantu rakyat khusus dalam aspek bencana kebakaran. Saya merujuk kepada kes di Tanjung Sepat, Taman Gadung, Taman perumahan, bekas ataupun mereka yang bekerja di dalam ladang. Terdapat kebakaran rumah yang *total lost* ataupun sebahagian besar rumah tidak dapat diduduki dan telah mengajukan permohonan ini ke Pejabat Daerah dan juga saya bagi sendiri surat kepada Pejabat EXCO, kedua-dua EXCO, Kerajaan Prihatin dan juga Kebajikan. *Alhamdulillah* Yang Berhormat Kerajaan STANDCO Prihatin telah pun menjawab, walaupun menjawab itu agak mendukacitakan tapi sekurang-kurangnya jawab. Satu persoalan saya, STANDCO kebajikan langsung tak jawab. *No Response!* Jadi inilah satu perkara yang saya sangat rasa tidak menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam mengambil kira sekurang-kurangnya jawab soalan tu apa permohonan itu. Jadi saya mengharapkan. Adakah bantuan dan rumah hangus keseluruhannya dengan pendapatan isi rumah tu hanya RM1,500 dengan penduduk, penghuni isi rumah tu 8 orang, rumah tiada hanya nak kasi RM500 adakah kerajaan berhasrat untuk supaya

itu bukan tanah individu tapi rumah itu sebenarnya rumah dia yang dia beli. Kenapa tidak dipertimbangkan untuk diberi bantuan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tanjung Sepat. Banyak sejarahnya ya. Tetapi sekiranya berlaku perkara yang seperti ini sebaiknya mangsa haruslah dapat menghantar laporan ya kepada Pejabat Daerah setelah membuat laporan polis, memberikan laporan kepada Penghulu, Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah akan menghubungi Pihak Bencana, Unit Bencana di SUK. Dan kita akan memberikan sumbangan seperti yang saya sebut tadi daripada Tabung Khas Bencana Negeri Selangor. Kita hanya boleh memberikan sejumlah RM500 sebagai *one off* sumbangan daripada Kerajaan Negeri manakala pembinaan semula rumah tersebut perlu ianya mengikuti segala syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri melalui STANDCO Kerajaan Prihatin. Sekiranya ianya layak saya kira Pihak Kerajaan Prihatin tiada masalah untuk membantu mangsa tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Tambahan.

TUAN SPEAKER : Tanjung sepat.

Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Persoalannya bukan tidak ada laporan daripada Pihak Polis ataupun laporan daripada Pejabat Daerah. Semuanya saya ingat telah lengkap. Salinan laporan tersebut telah pun telah dihantar ke Pejabat EXCO. Satu persoalan saya, kenapa tidak dijawab surat ataupun *whatsApp personal* saya pada Yang Berhormat EXCO tidak dijawab langsung. Jadi itu telah menimbulkan suatu fitnah kepada Yang Berhormat Tempatan daripada masyarakat tempatan, tidak buat kerja. Akhirnya saya nak cover EXCO sendiri terpaksa mengeluarkan sendiri, wang sendiri untuk membaiki rumah tersebut. Jadi saya rasa tidak begitu kerajaan dilihat tidak peduli dan juga tak prihatin terhadap permasalahan masyarakat di bawah.

TUAN SPEAKER : Soalan tambahan. Pihak kerajaan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Ok. Saya mengambil maklum tentang perkara tersebut daripada Tanjung Sepat dan *Insya-Allah*, ianya tidak akan berulang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Seri Serdang ingin bertanya kepada EXCO berapa lamakah masa yang diambil untuk membina sesbuah rumah yang terbakar hangus. Sekiranya kelengkapan ini telah pun kita hantar melalui Penghulu dan Pejabat Daerah. Mohon penjelasan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Berkenaan dengan pembinaan semula rumah... rumah daripada pembinaan semula rumah yang disebabkan oleh bencana ini saya kira mungkin EXCO, STANDCO Kerajaan Prihatin mungkin boleh membantu saya dalam menjawab persoalan tersebut.

Y.B. GANABATIRAU A/L VERAMAN : Dengan izin tuan speaker. Bagi menjawab kepada Seri Serdang, sekiranya mereka layak untuk mendapatkan bantuan melalui Kerajaan Prihatin, ia perlu mengikut prosedur lagi bukan disebabkan bencana. Kerajaan Prihatin ia tidak ada satu *emergency way of settling the matter* dengan izin. Kita tidak ada dengan kadar segera. Namun begitu dalam hal-hal begini melibatkan bencana yang terlibat boleh guna pakai peruntukan daripada Kerajaan Prihatin seperti yang pernah kita buat di Kampung Baru, Pandamaran. Kita pernah buat untuk membaiki bumbung. Kita dapat segerakan dengan kadar segera pun itu pun mengambil beberapa bulan itu yang *latest* yang boleh kita dapat buat. Perlu memenuhi segala syarat itu yang menyebabkan ada kekangan di situ. Tapi kalau sekiranya rumah perumahan dari taman, ia tidak di bawah STANCO kerajaan prihatin.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 80.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH

80. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dengan kewujudan rumah mampu milik Selangorku, akan dimansuhkan pembinaan rumah kos rendah?
- b) Apakah rancangan KNS bagi memastikan golongan berpendapatan rendah masih boleh memiliki rumah?
- c) Berapa unit rumah untuk golongan rendah ini akan di bina dalam tempoh 5 tahun akan datang?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Bismillahi Rahmani Rahim. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat kewujudan Rumah Selangorku bukan bermaksud untuk memansuhkan sama sekali Rumah Jenis Kos Rendah. Konsep utama pelaksanaan Rumah Selangorku adalah untuk mempelbagaikan jenis

rumah mampu milik dari segi harga jualan, saiz, luas binaan dan juga jenis rumah yang mampu memberi lebih pilihan kepada golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk memiliki rumah pada harga yang mampu dimiliki. Rumah Selangorku khususnya terdiri daripada empat jenis rumah yang utama iaitu Jenis A di mana saiznya adalah 700 kaki persegi, harga jualan maksima adalah RM42 ribu, Jenis B, luas binaan 750 kaki persegi, harga jualan maksima adalah RM100 ribu, Rumah Selangorku Jenis C, luas binaan 800-900 kaki persegi, harga jualan di antara RM150 ribu dan RM200 ribu dan Rumah Selangor Jenis D, luas binaan 1000 kaki persegi, harga jualan RM220 ribu hingga RM250 ribu. Oleh itu, tidak timbul persoalan sama ada Rumah Kos Rendah ini akan dimansuhkan kerana ia hanya diberikan penjenamaan kepada Jenis A sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat bagi memastikan golongan berpendapatan rendah masih memiliki rumah, Kerajaan Negeri telah menyediakan Skim Pembiayaan Rumah Selangorku iaitu Dana Sel iaitu berkonsepkan sewa dan milik yang keduanya adalah skim yang terbaru. *Selangor Smart Home Buyer* iaitu Kerajaan Negeri mendahulukan deposit 10% bagi memungkinkan pembeli rumah mendapatkan pinjaman daripada bank dan skim ketiga adalah manakala Kerajaan Negeri telah meletakkan cagaran di pihak bank dan ini memungkinkan pihak bank memberikan pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah yang sebelum ini tidak dapat membeli rumah. Untuk secara keseluruhannya dalam jangka masa empat ataupun dalam jangka masa dua hingga tiga tahun akan datang Rumah Selangorku yang telah diluluskan adalah sebanyak 29,176 unit yang telah diluluskan untuk pembinaan. Dan yang telah dibina adalah sebanyak 1,774 yang telah siap dibina tetapi yang sedang dibina adalah sebanyak 4,872 daripada jumlah tersebut rumah jenis A yang telah diluluskan untuk pembinaan adalah sebanyak 3,097 Jenis B adalah 1,485. Bermakna Jenis A Dan B sebanyak 5,582 yang telah dirancang untuk dibina daripada dua hingga tiga tahun yang akan datang. Sudah tentu makluman ataupun statistik ini sebenarnya tidak termasuk Rumah Selangorku yang akan dibina di bekas tanah berinstitut oleh pihak KwasaLand di mana di situ terdapat 9,810 Rumah Selangorku yang akan dibina dan belum lagi ditentukan berapa banyakkah rumah jenis A dan Jenis B yang akan dibina di atas tapak yang akan dimajukan oleh Kwasa Land di kawasan MBSA dan MBPJ. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Batu tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih. Saya ingin membangkitkan satu perkara yang telah saya bangkitkan pada sidang dewan yang lepas tentang ada tanah-tanah yang telah pun diluluskan oleh Pihak Majlis untuk dibuat dibina Rumah Kos Rumah seperti contoh yang saya bangkitkan dahulu iaitu di satu lokasi di sebelah Taman Tanah Merah dan Bukit Saga. Kerana sehingga kini kita nampak tidak ada usaha ataupun tak ada bunyi langsung sama ada ianya dilaksanakan atau tidak walaupun ditimbulkan. Jadi soalan saya kenapa perkara ini boleh berlaku?

Taman dah siap, sekelilingnya telah membangun dengan baik tetapi Rumah Kos Rendah ini masih lagi tidak dibangunkan sehingga kini. Jadi saya mohon pihak EXCO menjawab, sebenarnya berapa lama daripada lokasi itu ataupun KM telah diluluskan sepatutnya rumah kos rendah dibina. Terima kasih.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Masalahnya adalah sistem ataupun peraturan sebelum ini bahawa tidak mensyaratkan agar rumah kos rendah itu dibina terlebih dahulu atau bersekali dengan rumah-rumah kos lain. Itu sebab banyak yang tertangguh, bukan sahaja setakat lima tahun, empat tahun malah sepuluh hingga lima belas tahun, pun masih lagi tidak dibina. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri sekarang ini, bahawa kita telah memanggil semua pemaju-pemaju yang telah mendapat kelulusan sebelum ini untuk membina rumah kos rendah atau sederhana rendah di bawah polisi lama iaitu polisi 2010. Dan mereka telah diberi satu jangka masa iaitu pada akhir tahun, seperti mana yang saya umumkan pada Sidang Dewan yang lepas iaitu pada bulan, pada awal tahun ini. Bahawa kita beri sehingga awal tahun ini untuk memulakan, untuk mengemukakan permohonan untuk kebenaran merancang. Sebab banyak tanah-tanah yang dulunya untuk dibina akan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang ada, yang kebenaran merancang pun tidak dihantar lagi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Soalan 81 telah dijawab bersekali dengan soalan 20. Sungai Pelek.

YB. PUAN LAI NYUK LAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 82.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PELABUR ASING

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Memandangkan kemelesetan ekonomi mencecah peringkat yang membimbangkan serta kejatuhan nilai wang Ringgit Malaysia, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menarik pelaburan asing ke Negeri Selangor?

YB. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menarik pelaburan asing ke Negeri Selangor seperti berikut :

Dari segi Pengurusan ;

- i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.
- ii. Memperkuuhkan peranan agensi penggalakan pelaburan seperti Invest Selangor bagi membantu sebagai pemudah cara pelaburan kepada para pelabur.
- iii. Memperkasakan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- iv. Memastikan Mesyuarat *Industrial Park Management Committee* (IMPC) diadakan sekerap mungkin di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri.
- v. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukan MARRIS bagi menyelenggara kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada.
- vi. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.
- vii. Pihak Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded*.
- viii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelaras Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh EXCO yang berkenaan.
- ix. *Initiatif e-commerce* bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.
- x. *Invest Selangor Talent Initiative* – menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.
- xi. *Invest Selangor Advisory Network* – menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur.

Dari segi *Networking*, Tuan Speaker ;

- i. Meningkatkan usaha promosi di luar negara seperti program lawatan penggalakan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan merangka program lawatan ke luar negara sekurang-kurangnya empat (40 kali setahun ke negara yang berpotensi. Dan untuk tahun, daripada September 2014 hingga September 2015, sebanyak 20 bandaraya sedunia telah pun dilawati.
- ii. Meningkatkan jaringan *networking* dengan kedutaan-kedutaan asing di Malaysia, Dewan-Dewan Perniagaan Asing dalam dan luar negara melalui program kunjungan hormat yang diadakan dari masa ke semasa.
- iii. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI / MIDA.
- iv. Mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan syarikat milikan asing yang ada di Selangor bagi memperkenalkan negeri Selangor kepada pelabur-pelabur di negara mereka.

Dari segi Promosi, Tuan Speaker;

- a. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui pengiklanan dalam media cetak atau elektronik dalam dan luar negara.
- b. Penyertaan dalam pameran yang bertaraf antarabangsa.
- c. Pengajian *Selangor International Expo* yang dijadualkan pada 26 – 28 bulan ini, November 2015 bertempat di *The Mines Convention Center*, Seri Kembangan, Selangor.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Terima kasih Yang Berhormat EXCO, yang kerana memberi butiran mengenai strategi atau kaedah untuk menarik pelabur asing. Saya ingin bertanya tentang, apakah persediaan Kerajaan Negeri Selangor untuk berhadapan kemungkinan pelaksanaan TPPA yang kemungkinan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, isu berkenaan TPPA telah pun saya jawab dengan begitu teliti pada dua hari yang lalu di Dewan yang mulia ini. Sementara itu, di luar jangkaan, pihak Menteri, Kementerian MITI telah pun mendedahkan ataupun dalam dua hari ini akan mendedahkan isi kandungan TPPA

tersebut. Maka dengan itu pihak Kerajaan mengambil peluang untuk meneliti dan sudah tentu selepas kita mengkaji kandungan TPPA itu kita akan mengambil langkah-langkah bagi memastikan bahawa segala kepentingan negeri dan negara dipelihara. Dan kita akan sampaikan pandangan daripada Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Saya dapati pelabur-pelabur yang masuk ke Negeri Selangor, dia masih lagi berasaskan pembuatan. Sebahagiannya *Work Intensive*. Jadi nampaknya pelaburan ini membawa masuk ramai pekerja asing ke negeri ini. Keduanya, apakah usaha kerajaan untuk membawa masuk teknologi maklumat. Kalau kita lihat umpamanya anak Sekinchan yang melabur di Taiwan, apakah ada usaha untuk membawa balik ke Selangor.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, pandangan Yang Berhormat Kota Anggerik bahawa pelaburan dari segi, dalam bidang pembuatan yang masuk ke Selangor masih tumpu kepada industri di mana, yang label insentif, mungkin tidak begitu tepat dengan keadaan sekarang ini, kerana jika kita melihat bilangan kelulusan projek bagi bulan Januari hingga Jun tahun ini, untuk Selangor kita lebih 130 projek. 130 projek dengan keperluan, dengan peluang pekerjaan yang dibekalkan ada 8,995. Berbanding dengan Pulau Pinang umpamanya. Pulau Pinang, projeknya hanya 67, tapi peluang pekerjaan ada 13,199. Jadi dengan kita membandingkan angka ini, kita mempunyai projek yang dua kali ganda lebih banyak daripada Pulau Pinang. Tapi kerja yang ditawarkan itu, peluang kerja yang ditawarkan itu, lebih kurang adalah 50% atau 40% kurang daripada Pulau Pinang. Itu bererti, itu memberikan satu, apa tu, rumusan bahawa sebenarnya projek yang kita, yang dilaburkan di Selangor ini, sebenarnya bukan *Labor Incentive*. Mungkin kita masih ada lagi yang memerlukan pekerja asing. Tapi dari segi bilangan yang diperlukan itu mungkin sudah berkurangan. Memandangkan strategi Selangor untuk menarik pelaburan, adalah menarik pelaburan dalam khususnya sektor pembuatan ini adalah sektor yang *high-tech*. Sektor yang tidak memerlukan pekerja yang ramai. Iaitu kita beralih daripada *Labor Incentive*, *Industry Labor Incentive*. Sementara itu dalam *Information Technology*, dari segi *digital technical* ini, usaha kerajaan menubuhkan *C-tech Selangor Information and e-commerce* itu adalah satu usaha untuk kita menarik lebih ramai *start-up*, lebih ramai penyertaan atau usahawan yang terlibat dalam *information technology*, untuk memajukan bidang *information technology*. Sementara itu, Dato' K.S. Pua seperti yang disebut tadi, beliau sudah berpangkalan lama di Taiwan, mungkin sukar buat masa ini untuk kita menarik beliau, untuk balik ke Malaysia, untuk melabur. Tapi sebenarnya beliau sudah menubuhkan syarikat yang pertama di Pulau Pinang. Kira-kira 3 atau 4 tahun yang terdahulu. Sementara itu di pihak Selangor kita memang menghargai kepakaran dan

bakat beliau di mana kita telah pun melantik beliau sebagai salah seorang ahli dalam C-Tech. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL : Terima kasih, Tuan Speaker, nombor 83.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : TEMPOH MASA YANG DIAMBIL OLEH PEJABAT DAERAH UNTUK
KELULUSAN GERAN TANAH KEKAL KAMPUNG TRADISI MELAYU**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapa lamakah masa yang perlu diambil terutama di Pejabat Daerah bahagian tanah untuk memproses geran kekal bagi kampung-kampung tradisi Melayu?

YB. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Speaker, terima kasih, Serdang. Tempoh masa yang diambil oleh Pejabat Daerah untuk kelulusan geran tanah kekal kampung tradisi Melayu. Selepas menerima Pelan Akui, (PA) dari pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM), tempoh masa bagi Pejabat Tanah mengeluarkan hak milik kekal adalah dua bulan mengikut Piagam Pelanggan yang telah ditetapkan.

YB. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Seri Serdang.

YB. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL : Di kampung Sri Aman adalah kampung yang sudah lama. Tetapi geran yang dipohon geran kekal hampir dua tahun. Belum diterima. Tapi terima kasih juga mungkin kepada MB telah menggesa Pejabat Daerah dan ucapan tahniah kepada Pejabat Daerah Petaling. Minggu lepas dipanggil bermesyuarat untuk melangsaikan. Tapi sejauh mana penyelesaian ini berakhir, kita belum pasti. Tetapi katanya, dia akan uruskan secepat mungkin. Tapi bukan dua bulan, YB EXCO, saya rasa dah dua tahun, dia tidak selesaikan, walaupun tanah-tanah ini telah diukur dan di semak oleh Jawatankuasa Bertindak. Jadi diharap perkara ini tidak dilengah-lengahkan oleh Pejabat Daerahlah. Dan tahniah juga, Pejabat Daerah Petaling telah pun mendapat bajet lebih dari pejabat daerah lain. Dan Seri Serdang berharap komitmen dan

TUAN SPEAKER : Soalannya Seri Serdang.

YB. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL : Soalannya bukan 2 bulan tetapi dah 2 tahun. Itu je..

TUAN SPEAKER : Itu penjelasan. Pihak Sijangkang.

YB. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tak pe, saya jawab, Tuan Speaker. Kita maklum, Sri Aman ini, dia agak unik dengan kedudukan tanah lot yang begitu banyak dan saya kira, apa yang saya maksudkan tadi dengan tempoh dua bulan itu adalah yang ditetapkan oleh Piagam Pelanggan. Walau bagaimanapun, tempoh masa tersebut ini akan berubah sekiranya terdapat perbezaan keluasan ukuran halus oleh pihak UPEN. Daripada yang telah diluluskan oleh MMKN. Perbezaan keluasan ini perlu mendapat kelulusan daripada Pejabat Tanah dan Daerah, dan juga MMKN bagi kelulusan keluasan yang kurang perbezaannya kurang dari 20% dia boleh di luluskan oleh Pejabat Tanah Daerah. Tetapi yang lebih daripada 20% perlu kelulusan daripada MMKN. Selaras dengan pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil 12 / 2010. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Rawang.

YB. PUAN GAN PEI NEI : Terima kasih, Puan Speaker. Soalan saya nombor 84.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : DANASEL

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan jumlah pembeli rumah yang berjaya mendapat bantuan Dana Sel untuk membeli Rumah SelangorKu mengikut pecahan projek.
- b) Senaraikan jumlah pembeli yang telah ditolak oleh pihak bank untuk pinjaman perumahan di Selangor mengikut pecahan daerah.
- c) Adakah Kerajaan akan tambahkan DanaSel?

YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Rawang. Buat masa ini, projek ataupun Skim Dana Sel untuk pembelian *Rumah Selangorku* yang telah diluluskan sekarang ini, kita belum lagi *finalize* ataupun belum memuktamadkan jumlah terakhir. Tetapi pecahan mengikut projek *Rumah Selangorku* yang akan diluluskan untuk Skim DanaSel;

- i) Di Kampung Rimba Jaya. Kawasan asal iaitu RKR, Rimba Jaya, Padang Jaya, Padang Jawa, sejumlah 104 keluarga.

- ii) RKR Ukay Indah, Sungai Sering sebanyak 116 keluarga.
- iii) Projek Peneroka Bandar Blok E, Petaling Jaya, PJS iaitu 262 keluarga,
- iv) Projek RKR Berembang Indah di Kampung Berembang, Ampang, iaitu sebanyak 28 keluarga.

Target kita adalah terbuka kepada 510 keluarga ini, dan ia tertangguh adalah kerana beberapa perkara.

Yang pertama adalah tentang projek RKR Rimba Jaya di Padang Jawa ini adalah kerana terdapat sedikit pertelingkahan di antara Kerajaan Negeri dan juga pemaju. Di mana pemaju belum lagi membayar sewa kepada para Peneroka Bandar dan sekarang ini telah dapat diselesaikan. Kita akan kontrak sewa itu daripada harga rumah yang akan dibeli oleh Kerajaan Negeri. Yang kedua adalah RKR UK Indah di Sungai Sering sekarang ini pemaju telah, tengah sedang menyaman Kerajaan Negeri oleh kerana ada satu lot tanah pemaju yang telah diambil alih oleh pihak Kerajaan Negeri. Ketiga adalah Peneroka Bandar Blok E, Petaling Jaya, PJS 1 yang ini akan diselesaikan selepas S & P (*Sale and Purchase*) asal penduduk ditamatkan dan dibuat semula S & P (*Sale and Purchase*) yang baru. Dan RKR Berembang Indah juga ke dalam proses. Untuk soalan seterusnya adalah sama ada Kerajaan Negeri ada membuat atau ada satu inventori tentang mereka yang telah ditolak akan permohonan pinjaman perumahan mereka oleh pihak bank. Apa yang kita ada hanyalah apabila pihak pemaju melaporkan nama-nama mereka yang telah ditolak dan kita kena memberi nama yang baru, itu sahaja. Tetapi kita tidak ada inventori yang sepenuhnya senarai nama yang ditolak akan pinjaman bank mereka. Soalan seterusnya, adakah Kerajaan Negeri akan menambahkan DanaSel? Tahun lepas ataupun tahun ini kita ada RM10 Juta, tahun hadapan di mana yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa kita ada RM10 Juta lagi. Dan berkenaan sama ada projek-projek ini atau skim ini akan dibuka kepada orang ramai? Ya. Iaitu oleh kerana masalah dari segi kita untuk mendapatkan rumah-rumah daripada pemaju selain daripada 4 projek itu, kita akan buka kepada orang ramai untuk mereka memohon mulai daripada 1 Januari yang akan datang. Kita akan proses, tapi dari sekarang mereka boleh memohon untuk projek atau Program Dana Sel ini iaitu bukan sahaja tertakluk kepada 4 projek ini tetapi projek lain. Mereka itu mesti telah ada rumah kos rendah yang mereka hendak beli dan telah ditolak oleh bank dan mereka boleh memohon kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor ataupun anak syarikat ataupun Syarikat Lembaga Perumahan iaitu Rumah Hartanah Selangor Sdn. Bhd. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan 85.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status program ibu tunggal yang bermula pada 2008?
- b) Sejauh manakah dasar dan program tersebut dikekalkan hingga kini?
- c) Apakah kriteria yang digunakan bagi mengukur kejayaan program kebajikan ibu tunggal?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI : Terima kasih Hulu Kelang. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri amat mengambil berat dan prihatin terhadap golongan wanita yang berstatus Ibu Tunggal. Justeru itu semenjak tahun 2008 hingga kini, Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan golongan ibu tunggal dalam aspek pembangunan serta pembentukan dasar-dasar Kerajaan. Sehingga hari ini sebanyak RM16,530 orang ibu tunggal telah berdaftar dengan sistem pangkalan data e-bu. Semua program di bawah Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor (MES) serta program-program yang dirangka oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga lebih mengutamakan golongan ibu tunggal mengikut had kelayakan dan kriteria yang ditetapkan. Antara tawaran Kerajaan Negeri yang dapat memberi manfaat kepada golongan wanita termasuk ibu tunggal adalah yang pertama, menggalakkan agar Ibu-ibu Tunggal ini terlibat dan bekerjasama bersama Program Pemberdayaan Wanita melalui Pusat Wanita Budaya atau PWB di Setiap DUN. Pelbagai program yang dilaksanakan seperti kursus-kursus kemahiran, latihan dan bimbingan, program keusahawanan sosial, pembinaan jati diri; yang mana akhirnya menjadikan mereka lebih berkemahiran, berkeyakinan dan mampu menjana pendapatan diri dan keluarga.

Keduanya, menggalakkan ibu-ibu tunggal ini untuk berniaga dengan bantuan Skin Mikrokredit Hijrah melalui skim ini Kerajaan Negeri memberi pinjaman modal perniagaan bermula daripada RM3,000.00 sehingga RM50,000.00 daripada jumlah daripada 11 378 peserta Hijrah, 70% adalah wanita iaitu 7,964. Dan daripada golongan wanita ini, 887 adalah daripada Ibu Tunggal. Seterusnya yang ketiga, Kerajaan Negeri juga menggalakkan Ibu-ibu Tunggal ini menyertai program kursus intensif perkembangan kanak-kanak ataupun KIPK. Program ini memberi kursus, ilmu dan pengajaran selain pengiktirafan kepada peserta agar membolehkan mereka membuka taska di rumah, yang akhirnya menjadi sumber pendapatan kepada mereka. Selain itu program-program Kerajaan Negeri seperti Skim Kesihatan Wanita (Mammosel) iaitu Pemeriksaan Saringan *Mammogram* Percuma. Bantuan Kesihatan Sihat Selangor daripada Kerajaan Negeri. Program-program lain Tabung Warisan

Anak Selangor. Bantuan asuhan rakyat Selangor atau SiKembar. Bantuan Tadika (TUNAS). Hadiah Anak Masuk Universiti. Kesemua program ini ditawarkan meliputi pelbagai aspek bukan sahaja bagi mengurangkan beban kewangan tetapi juga sebagai salah satu jaringan sistem sokongan kepada para ibu tunggal.

- b) Program-program yang dinyatakan di atas ini masih diteruskan dan program-program baru yang berkaitan akan dirangka mengikut keperluan semasa.
- c) Sesebuah program atau skim bagi kebajikan ibu tunggal ini dinilai dari masa ke semasa dari pelbagai aspek seperti keefisienan penyampaian bantuan, kadar penerima manfaat, kemampuan untuk menjana pendapatan dan lain-lain mengikut keperluan bagi tujuan penambahbaikan untuk dimanfaatkan oleh golongan wanita dan ibu tunggal. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Speaker, Y.B. EXCO soalan saya adakah dalam Kerajaan Negeri Selangor dikategorikan ibu tunggal ini mengikut umur? Kalau umur itu di peringkat umur masih berminat kahwin, saya yakin banyak bapa-bapa tunggal atau para duda mungkin boleh membantu penyelesaian tersebut.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI : Hulu Kelang. Terima kasih Hulu Kelang daripada data, pangkalan data daripada 16,530 ini kita juga mengkategorikan mengikut umur. Jadi sekiranya ada cadangan yang baik seperti ini mungkin kita cuba untuk membantu para ibu tunggal kepada ... saya tidak lah untuk menggalakkan tetapi

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Ditimbulkan sebagai isteri kedua, ketiga dan sebagainya bertemu dengan duda?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI : Ini boleh diperbincangkan dengan lebih lanjut lagi. Sekian.

Y.B. PUAN TIEW WANG KENG : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WANG KENG : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat EXCO bahawa sama ada Yang Berhormat EXCO ada mengkaji keberkesanan atas kebajikan terhadap wanita-wanita terutamanya sekali ibu tunggal. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI : Terima kasih Teratai. Teratai bertanya tentang keberkesanan kebajikan kepada ibu tunggal? Mengikut apa yang kita telah laksanakan melalui program-program yang ada di bawah Kerajaan Negeri ia nya ada keberkesanan tetapi ia nya perlu lebih, lebih ada satu cara untuk mengukur keberkesanan itu tetapi buat masa ini kita belum lagi ada cara tersebut dan *insya-Allahlah* kita akan melihat perkara ini untuk masa-masa yang akan datang untuk memberikan kebajikan yang lebih baik kepada para ibu tunggal. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Saya antara yang sangat simpati dengan ibu tunggal. Sebab ramai yang datang ke pejabat saya yang sangat muda dan Dan satu lagi kategori yang diambil kira ialah ibu tinggal. Ibu tinggal lebih susah

TUAN SPEAKER : Soalannya Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Dia ada kategori ibu tunggal dengan ibu yang tinggal. Yang ini dia tidak mempunyai status yang jelas. Bila mereka mengadu kepada kebajikan, mereka kata dia punya suami tapi sebenarnya dia ditinggalkan oleh suami-suami mereka. Jadi apakah tajaan dan bantu mereka?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI : Terima kasih Kota Anggerik. Saya pun sedia maklum Kota Anggerik seorang yang sangat prihatin dan sangat mengambil berat tentang ibu tunggal ya. Jadi terima kasih atas saranan ini. Sebenarnya di luar sana memang ramai wanita-wanita. Yang pertama, ibu tunggal. Keduanya, wanita-wanita ibu tinggal dan ketiganya wanita-wanita yang ada suami tetapi mungkin mereka perlukan juga segala apa ini, bantuan-bantuan yang kita laksanakan ataupun berikan pihak Kerajaan Negeri maka apabila kita memberi , apabila kita menilai sesuatu permohonan daripada wanita-wanita ini kita akan melihat wanita ini, kita tidak hanya mengkhususkan kepada ibu tunggal tapi kepada wanita-wanita yang memerlukan. Kerana wanita-wanita ini mereka menggalas tanggungjawab yang berat apabila, apabila mereka terpaksa menjadi ketua keluarga sama ada mereka ada suami atau pun mereka tidak mempunyai suami. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Terima kasih. Soalan tambahan. Saya ingin penjelasan daripada Y.B. EXCO sebagaimana yang dimaklumkan tadi kategori ibu tunggal dan ibu tinggal ini terutamanya yang tadi apa suami yang tidak mampu menyara ini dan juga satu lagi kategori di mana suaminya tunggal lah yang tidak boleh menyara isteri ini. Adakah pengkhususan diberikan kepada kategori ini sebab kebanyakannya apa saya lihat, inilah kategori ramai

sekarang ini. Ibu tinggal bukan ibu tunggal, ibu apa yang hendak dipanggil itu, saya tidak tahu kategori apa? Yang suaminya tunggul lah.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI : Terima kasih Kota Damansara yang juga berminat dengan hal ibu tunggal, ibu tinggal, suami... saya kira apa yang disebut oleh Kota Damansara memang banyak berlaku di ketika. Cumanya ini juganya kita mungkin tidak ada data sebenar dan mungkin isteri-isteri ini juga malu untuk memberikan ataupun menyatakan suaminya tidak menjalan tugas degan baik jadi sekiranya wanita-wanita di luar sana mempunyai masalah-masalah tersebut kita sedia untuk mengambil data-data ini. Agar kita boleh ada data-data yang, yang betul sama ada ibu tinggal, ibu tunggal, ibu tinggal ataupun wanita yang perlu menggalas tanggungjawab keluarga yang mana mempunyai suami yang tidak atau yang kurang bertanggungjawab jadi. inilah ya, kriteria-kriteria perlu kita dapati daripada masyarakat. Terima kasih.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Seri Serdang ingin bertanya kepada EXCO, adakah EXCO merancang sesuatu program bukan untuk wanita tetapi untuk para suami. Memandangkan statistik perceraian ibu tunggal, ibu kena tinggal, bapa tunggul, ya, terlalu ramai. Jadi adakah EXCO merancang perkara ini untuk kebaikan ummah.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI : Terima kasih Seri Serdang. Untuk tahun 2016 insya-Allah banyak perkara-perkara yang mengkhususkan kepada perkara pembinaan keluarga, menguatkan institusi keluarga. Kita akan melaksanakan melalui program-program, kempen-kempen untuk kita menggalakkan agar institusi keluarga di negeri Selangor ini berada dalam keadaan sejahtera. Terima kasih Seri Serdang.

TUAN SPEAKER : Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Tuan Speaker, soalan nombor 86.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kadar kenaikan Fi lesen perniagaan di negeri Selangor sejak 2008 hingga 2015?

- b) Apakah kadar Fi ini akan disemak semula seperti janji dalam bajet negeri Selangor 2015?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, terima kasih kepada Dengkil menanya dengan isu Fi lesen perniagaan. Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2015 telah meluluskan Kadar Fi Lesen mengikut kadar yang ditetapkan di dalam Undang-undang Kecil (UUK) Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian PBT Tahun 2007 di mana pindaan ini merupakan kali pertama sejak tahun 1987. Saya ingin maklumkan kepada dewan yang mulia ini bahawa bukan semua jenis kadar Fi Lesen telah dinaikkan dan ada yang juga diturunkan. Ya saya bagi beberapa contoh kerana terlalu banyak kategori Fi Lesen tersebut saya hanya bagi peratusan kenaikan dia seperti di MBSA kenaikan peraturan antara 16% hingga ke-72%, MBPJ 30% ke 120%, MPK 6%, MPAJ 6%, MPS Tiada Kenaikan kerana MPS telah melaksanakan UUK lesen Fi Lesen ini pada tahun 2008, 2007 luluskan dan dilaksanakan di 2008, MPKj 40% sehingga 60%, MP Sepang ini kawasan Dengkil 50% dan sebagainya. Kadar Fi ini sedang disemak semula bagi tujuan menyamaratakan kadar Fi lesen bagi Negeri Selangor, walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan mendapatkan satu kadar yang bukan sahaja membantu peniaga-peniaga tetapi juga memberikan hasil kepada PBT-PBT. Hasil semakan awal sebanyak 33 kategori Fi Lesen dijangka akan diturunkan memandangkan keadaan ekonomi semakin merosot dan Kerajaan Negeri komited untuk membantu peniaga terutama bagi peniaga-peniaga kecil dengan cara Fi Lesen dikecualikan kepada penjaja kecil untuk tahun 2016.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker soalan 87.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK: PROJEK KEBUN KERANG

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini projek tersebut.
- b) Sila senaraikan jumlah keluasan dan peserta Kebun Kerang mengikut pecahan kaum?
- c) Sila nyatakan apakah punca sebenar yang menyebabkan hasil kerang semakin berkurangan di persisiran pantai Negeri Selangor sejak kebelakangan ini?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Assalamualaikum warahmatulhi wabarakatuh dan salam sejahtera, terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada Sekinchan yang menzahirkan keprihatinan beliau terhadap pengusaha-pengusaha Kebun Kerang yang sekarang ini dari tahun 2011 sehingga sekarang untuk pengetahuan Sekinchan, Selangor mengalami kemerosotan pengeluaran kerang. Pada tahun ini, pengeluaran sehingga September 2015 adalah sebanyak 2,684.76mt. Kalau kita lihat tahun 2010 pengeluaran 41,410.00mt, 2011 – 26,505.53mt, 2012 – 11,842.99mt, 2013 – 5,407.08mt dan 2014 – 10,035.15mt dan seperti mana yang saya nyatakan sehingga September 2015 hanya 2,684.76mt. Hasil pengeluaran mengikut daerah Klang mencatatkan 32.27mt bagi 2015 sehingga September dan bagi Kuala Selangor 2,219.16mt dan Sabak Bernam 433.33mt yang berjumlah keseluruhannya 2,684.76mt.

Jabatan Perikanan Negeri Selangor telah pun memperuntukkan 200 lot kerang, Kebun Kerang seluas 9,843.2 hektar di sepanjang pesisir pantai Negeri Selangor, ia meliputi 3 daerah iaitu daerah Klang, Kuala Selangor dan juga Sabak Bernam. Sehingga September 2015, 80 lesen telah dikeluarkan bagi kawasan seluas 3,912.5 hektar. Bagi agihan lot secara “detail” saya akan menyatakan secara bersurat, tulis kepada Sekinchan, daerah Klang mencatatkan 343.20 hektar dan bagi Kuala Selangor 3,750 hektar dan bagi Sabak Bernam 5,750 hektar dan menjumlah besarnya 9,843.20 hektar dan jumlah keseluruhan lot 200. Mengikut pecahan kaum bagi daerah Klang dengan 6 lot, pecahan kaum Melayu 6 lot keseluruhannya dan daerah Kuala Selangor 37 lot dari sudut Melayu 16, Cina 21 yang lain-lain kosong jumlah keseluruhan 37 lot dan Sabak Bernam 37 lot yang Melayu 11 lot, Cina 26 lot menjumlahkan 37 lot.

Kemerosotan kerang di Selangor telah berlaku sejak dari tahun 2011 lagi. Menurut penternak, kekurangan benih, keadaan dasar ternakan yang keras, kehadiran pemangsa dan siput lain di kawasan ternakan mempengaruhi penurunan ini. Kematian kerang yang tinggi juga dilaporkan di negeri-negeri lain termasuk di negeri Perak. Maka setakat ini, Jabatan Perikanan masih lagi belum dapat mengenal pasti punca sebenar isu penurunan pengeluaran kerang. Maka Jabatan telah pun mendapat peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi di peringkat persekutuan untuk membuat kajian tumbesaran dan kematian kerang di tapak-tapak ternakan kerang di Selangor bagi tempoh 2 tahun. Dan sekarang ini, kajian masih lagi sedang berjalan yang mula pada Mac 2015 dan Kerajaan Negeri juga banyak membantu dalam menangani permasalahan-permasalahan ini seperti mana isu-isu dan sebagainya untuk membantu pekebun-pekebun kerang ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker soalan tambahan, terima kasih EXCO pertanian kerana data-data yang diberikan saya nampak 2010 jika di banding

dengan 2014 pengeluaran kerang terlalu jauh ya 41,000.00mt dengan berbanding 10,000.00mt hampir kurang 30,000.00mt. Ini kerang menyebabkan pasaran kekurangan kerang dan harga kerang naik. Apakah perancangan kerajaan untuk mencari alternatif lain untuk memastikan bekalan kerang tidak terputus terus berkurangan? Dan apakah puncanya salah satu dikatakan menyatakan pencemaran air daripada kolam udang betul ke atau tidak?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Sekinchan memang kita akui bahawa kemerosotan yang sangat besar sejak 2010 sehingga 2015 dan ini bukan berlaku hanya di Selangor dan ia juga melibatkan negeri-negeri persisiran pantai lain termasuk Perak dan sebagainya. Sebab itulah Kerajaan Negeri juga sedang menunggu untuk siapnya kajian secara menyeluruh kajian tumbesaran kerang di tapak-tapak ternakan kerang di Selangor ini yang kita jangkakan dalam 2016 atau pun Mac 2017 akan siap dan daripada situlah baru kita tahu apakah punca sebenarnya dan antara puncanya adalah pencemaran termasuk juga pencemaran daripada industri-industri ternakan yang lain termasuk Kebun Kerang dan sebagainya. Sebab itulah pengawalan ini sangat penting dilakukan dan juga hasil daripada kemerosotan ini juga menyebabkan berlakunya permintaan yang tinggi dan tidak dinafikan juga berlakunya penyeludupan benih-benih kerang di Selangor yang paling bermutu tinggi ini ke negara-negara lain. Dan Kerajaan Negeri ini sekarang sedang agresif untuk memantau pancang-pancang kerang yang ditandakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab kerana kemerosotan dan kerana “*demand*” atau permintaan yang sangat tinggi.

TUAN SPEAKER : Ya Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan kawasan di Sungai Burong juga terlibat dengan pengeluaran kerang dan satu kawasan ialah di Bagan Tengkorak yang terkenal dengan benih-benih kerang. Salah satu dari punca masalah kekurangan kerang ini adalah juga disebabkan selain daripada faktor pencemaran adalah disebabkan oleh kekurangan benih-benih tadi dan benih-benih kerang ini harganya terlalu mahal di luar menyebabkan kegiatan mencuri dan menyeludup kerang. Jadi soalan saya sejauh manakah kegiatan-kegiatan ini yang berlaku ini dapat diatasi kalau tidak kita dalam keadaan yang mengalami kekurangan bekalan kerang ini juga kita akan mengalami masalah besar kerana benih-benih kerang ini yang menjadi sumber untuk menternak kerang ini telah dicuri dan diseludupkan ke luar negara. Dan perlu penyelesaian kecurian ini seberapa segera yang boleh.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Sungai Burong, seperti yang saya maklumkan tadi bahawa benih-benih kerang di Selangor ini sangat bermutu tinggi dan ada aktiviti penyeludupan dan sebagainya ke negara-negara lain. Maka sudah pasti peringkat Kerajaan Negeri dan agensi-agensi di peringkat negeri dan

juga persekutuan sedang memantau secara serius aktiviti-aktiviti sebegini supaya tidak berlaku.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Saya minta Tuan Speaker soalan tidak jawab sebab masalah kecurian kerang ini dah berapa lama dah. Kalau setakat memantau sahaja ia tidak memandai saya ingat, saya fikir kita nak tahu berapa jumlah tangkapan, tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa terhadap kegiatan mencuri dan menyeludup kerang.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Sungai Burong, itu soalan yang spesifik yang mungkin boleh ditanya melalui soalan bertulis ataupun soalan mulut selepas daripada ini untuk kita dapatkan kerana melibatkan banyak agensi ok, terima kasih.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH : Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO kerang di belakang rumah saya terkenal daripada dulu sebelum saya lahir lagi. Apa benih-benih kerang dan ternakan kerang semula jadi daripada dulu soalan ini saya sudah bawa dulu dalam dewan pada persidangan dewan yang lepas tetapi tidak sempat di bawah ke dalam ini dan saya terima jawapan yang tidak berapa tepatlah. Yang Berhormat EXCO percaya tak cakap saya selain apa Yang Berhormat jawab tadi sebenarnya ladang-ladang ternakan, plot-plot yang dibuat dahulu kebanyakannya semua penuh dengan kulit kerang. Itu kata nelayan kepada saya. Jadi perlu ada tindakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi yang berkenaan supaya tapak-tapak ternakan kerang-kerang itu dibersihkan dan bagi membolehkan untuk wujud tanah di situ kalau tidak kulit kerang, benih tidak boleh jadi. Segala-galanya tidak boleh jadi kerana tidak ada tanah untuk kerang makan. Jadi itulah

TUAN SPEAKER: Soalannya.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Soalannya minta Kerajaan Negeri melalui agensi yang berkenaan mengambil tindakan mengikut kata nelayan membersihkan tapak-tapak plot itu membolehkan tanah itu wujud di sana, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Yang itu cadangan, tidak payah jawab, siapa lagi ya Tanjung Sepat. Soalan 89, Paya Jaras saya tidak benarkan soalan ini diambil kerana spesifik untuk DUN beliau. Soalan 89 telah dijawab bersekali dengan soalan 45. Morib.

Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN: Tuan Speaker soalan saya nombor 90.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK: 5. PEMBINAAN RUMAH MAMPU MILIK.

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah unit rumah Mampu Milik yang telah diluluskan sejak 2013-2015 di kawasan Kuala Langat?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat untuk makluman Yang Berhormat bilangan unit Rumah Mampu Milik telah diluluskan sejak 2013 hingga 2015 di kawasan Kuala Langat adalah sebanyak 4,046 unit. Pecahannya adalah seperti berikut:-

1. Pemaju Bandar Rimbayu Sdn. Bhd di Lot PT 36346 HS(D) 33613, Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat keseluruhan Rumah Mampu Milik yang dibina oleh pemaju ini adalah 2,330 yang merangkumi jenis A 330 unit, jenis B 660 unit, jenis C 670 unit, jenis D 670 unit.
2. Yang kedua adalah Pemaju Seribu Baiduri Sdn. Bhd. Iaitu LBS Land Group di Bandar Saujana Putra, Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat keseluruhan yang akan dibina adalah sebanyak 1,312 merangkumi jenis C1 264 unit dan C2 1,048 unit.
3. Yang ketiga adalah TS Development Sdn. Bhd. Iaitu di Lot 2507, Mukim Bandar, Daerah Kuala Langat iaitu 404 unit jenis C1 132 unit, jenis C1 juga 900 kaki persegi 308 unit.

Dan keseluruhan untuk ketiga-tiga pemaju ini atau ketiga-tiga projek ini adalah 4,046, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Kalau kerajaan punya unjuran yang jelas berdasarkan permintaan berapakah Rumah Mampu Milik perlu dibina dalam masa 30 tahun dan di mana tempat-tempat nak kita sediakan?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Unjuran kita adalah untuk 5 tahun ataupun yang telah kita rancangkan adalah pembinaan untuk 5 tahun akan datang dari segi unjuran kalau kita berdasarkan kepada permintaan memang ada angka

ataupun statistik tentang permintaan berdasarkan kepada permohonan-permohonan yang dihantar kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tetapi permintaan ini kita perlu *review* atau siasat atau kita perlu kemas kini dari masa ke semasa oleh sebab terdapat mereka yang telah *black out* atau telah mendapat rumah dari sumber-sumber lain ataupun mereka ini tidak serius untuk meminta atau membuat permohonan atau untuk membeli rumah jadi bermakna dari segi unjuran untuk 5 tahun akan datang tempat-tempat di mana hendak dibina dan dari segi statistik adalah berdasarkan kepada permohonan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAACOB BIN SAPARI : Soalan tambahan. Kalau kita lihat jumlah pasangan baru yang mendaftar untuk bernikah di negeri Selangor yang Islam ialah sekitar 18,000 tidak termasuk yang bukan Islam. Saya rasa data ini kalau kita lihat berapa pendapatan mereka ini boleh menjangka berapa permintaan rumah diperlukan. Saya rasa kalau 5 tahun tu pendek sangat jadi kita kena *plan* panjang lagi supaya kita siapkan tanah tapak untuk lagi 20 tahun kita tahu di mana untuk kita menempatkan rakyat di negeri Selangor.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih. Saya setuju cuma masalahnya di Selangor ini kita tidak boleh membuat perancangan berdasarkan kepada umur. Bermakna bahawa mereka yang 21 tahun ke atas kita anggap bahawa mereka yang akan mencapai 21 tahun ke atas akan berkahwin dan memiliki dan memerlukan rumah tetapi masalah di Selangor adalah migrasi dari negeri-negeri lain yang terlalu tinggi. Jadi bermakna dari untuk kita membuat perancangan dua perkara iaitu rakyat yang sedia ada dari segi umur dan juga kita kena jangka migrasi daripada negeri-negeri lain yang datang untuk bekerja di negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Morib.

Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN : Tuan Speaker, jawapan yang telah diberikan oleh EXCO tadi adalah pemaju-pemaju yang berskala besar, untuk pemaju berskala kecil pembangunan yang dicadangkan rumah mampu milik yang cuba dilaksanakan dapat kekangan kerana tidak dapat kelulusan dari pihak SYABAS kerana dikatakan kurangnya bekalan air. Apakah pihak EXCO dapat membantu pemaju-pemaju ini. Terima kasih.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat pada hari Isnin ini Yang Amat

Berhormat Dato' Menteri Besar akan pergi ke SYABAS officially akan ambil alih SYABAS jadi *Insya-Allah* lepas itu kita akan dapat selesaikan masalahnya.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 91.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK: TANAH MILIK KERAJAAN YANG DITEROKA SECARA HARAM

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah keluasan tanah Kerajaan Negeri yang diteroka secara haram?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada peneroka haram tanah milik kerajaan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, sehingga Ogos 2015, keluasan tanah kerajaan yang telah diterokai secara haram adalah seluas 3,051.472 ekar. Peneroka haram tanah kerajaan akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara, yang mana seseorang yang telah disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjarakan untuk satu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Penceroboh juga akan diarahkan untuk mengosongkan tanah kerajaan yang di ceroboh mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam notis.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih atas jawapan langkah-langkah yang diambil kerajaan terhadap pencerobohan tanah kerajaan. Soalan saya adalah apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengelakkan tanah kerajaan ini daripada diterokai pada masa hadapan seperti sama ada membenarkan tanah itu diberikan kebenaran menggunakan secara sementara ataupun lain-lain tindakan proaktif.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah pun menubuhkan satu *task force* untuk mengumpul semua data-data berkenaan dengan tanah kerajaan dan tanah-tanah berkenaan telah pun dikenal pasti untuk kegunaan untuk masa akan datang. Dan tanah-tanah yang telah pun dilawat dan dikenal pasti sebagai tanah kerajaan yang belum diterokai akan dipagarkan supaya tidak ada

penceroboh yang akan menerokainya secara haram. Sementara yang telah diterokai tindakan seperti yang disebutkan tadi akan diambil dan untuk mereka yang berminat untuk memohon mereka boleh membuat permohonan tertakluk kepada kelulusan kerajaan.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 92.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Memandangkan Kerajaan Negeri Sembilan sedang meninjau kemungkinan untuk meminda Undang-Undang Keluarga Islamnya untuk mengatasi masalah hak jagaan anak akibat pertukaran agama salah seorang daripada pasangan bukan Islam ke dalam Islam, adakah kerajaan Selangor sedang menuju ke arah usaha yang sama?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker, terima kasih Kampung Tunku. Kampung Tunku bertanya berkaitan Undang-Undang Keluarga Islam. Bagi menangani isu-isu yang berbangkit daripada pertukaran agama pasangan yang berkahwin di bawah undang-undang sivil, Jabatan Peguam Negara telah mengambil inisiatif di peringkat Persekutuan untuk membentangkan cadangan pindaan terhadap Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] ke negeri-negeri di seluruh Malaysia termasuk di Selangor. Wakil Jabatan Peguam Negara telah membentangkan cadangan pindaan terhadap akta tersebut yang mempunyai peruntukan yang sama dengan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 di dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor Khas Bil.2/2015 yang bersidang pada 3 Julai 2015. Mesyuarat tersebut secara dasarnya telah bersetuju dengan cadangan-cadangan pindaan akta tersebut dan meminta supaya cadangan pindaan akta tersebut disembah taklimatkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor untuk mendapatkan perkenan.

Seterusnya, selepas diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, MAIS akan memperhalusi cadangan pindaan tersebut khususnya pindaan terhadap Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 untuk mengatasi masalah hak jagaan anak akibat pertukaran agama salah seorang daripada pasangan bukan Islam ke dalam Islam. Apa yang saya lihat yang penting di sini

adalah sekiranya pindaan ini berlaku yang penting adalah kebaikan dan kepentingan kaum dan agama masyarakat, keluarga dan juga anak akan dapat kita jaga bersama-sama ke arah *Smart Selangor* yang peduli. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN : Soalan no. 93 Tuan Speaker.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : **PUSAT KOMUNITI BELIA**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mewujudkan pusat komuniti setempat belia di setiap DUN?
- b) Apakah aktiviti dan sukan belia setempat boleh adakan?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Gombak Setia atas keprihatinan beliau. Pada tahun 2012 dan 2013 Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek pembangunan pusat sehenti belia yang dinamakan Dataran Anak Muda dan kita telah memilih 33 lokasi Dataran Anak Muda seluruh negeri Selangor yang meletakkan gelanggang pentas dan kemudahan awam yang boleh dilaksanakan dan dilaksanakan program-program pembangunan generasi muda di tempat tersebut. DUN tersebut adalah Balakong, Bangi, Batang Kali, Batu Caves, Bukit Antarabangsa, Bukit Lanjan, Bukit Malawati, Chempaka, Dusun Tua, Gombak Setia, Hulu Klang, Ijok, Jeram, Kajang, Kota Anggerik, Kota Damansara, Kuang, Lembah Jaya, Meru, Morib, Paya Jaras, Permatang, Rawang, Semenyih, Seri Andalas, Seri Serdang, Sijangkang, Sungai Burong, Sungai Pelek, Taman Templer, Tanjung Sepat, Teluk Datuk dan Teratai. Ahli Yang Berhormat sekalian pada tahun hadapan dalam ucapan belanjawan Menteri Besar telah mengumumkan untuk membuka satu pusat yang dinamakan *Learning Centre* iaitu ruang santai pusat pembelajaran dan riadah di perumahan kos rendah dengan kemudahan komputer wifi *Smart Selangor* serta program tuisyen percuma oleh sukarelawan muda. Justeru saya anggap ini adalah nilai tambah yang kita akan laksanakan pada tahun hadapan. *Insya-Allah*. Bagi soalan yang kedua, gelanggang serba guna yang telah disesuaikan ataupun yang telah dibina ketiga membina dataran anak muda adalah sesuai untuk aktiviti sukan dan generasi muda setempat seperti futsal, sepat takraw, bola jaring dan bola tampar dan sebagainya yang boleh dilaksanakan juga aktiviti seperti senaman aerobik, senaman beramai-ramai. Selain itu juga tempat itu boleh digunakan golongan belia untuk melakukan pelbagai aktiviti sebagai tempat

pertemuan dan juga tempat untuk melaksanakan program-program lain. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL : Soalan saya no. 94.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan pengasingan sisa pepejal domestik di punca?
- b) Apakah cara pelupusan yang digunakan PBT untuk sisa kebun dan keratan ranting pokok tepi jalan?
- c) Apakah sistem pelupusan yang digunakan PBT untuk sisa komersial bagi kedai-kedai komersial dan perindustrian?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Kajang. Tuan Speaker saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan 130 yang ditanya oleh Batu Tiga. Tuan Speaker, buat masa ini Kerajaan Negeri sedang menjalankan kajian pengasingan sisa isi rumah melalui projek perintis kitar semula pada 28 September 2015 hingga 31 Disember 2015 di empat PBT berstatus Bandar raya, Perbandaran dan Daerah yang melibatkan lebih kurang seribu lebih unit rumah dan perniagaan dan kedai. Untuk melihat trend masyarakat dalam pengasingan sisa isi rumah secara *real time* dan mencadangkan pengurusan kitar semula di samping melihat kemampuan PBT. Empat PBT yang terlibat adalah MBPJ di kawasan perumah Kampung Sungai Kayu Ara, di perumahan kondo *Boulevard Resident* dan juga di kawasan komersial *Ten Boulevard*. Di kawasan MPKj rumah teres di Bandar Sungai Long Seksyen 7, di kawasan komersial di jalan SL1/4, di kawasan MPAJ di perumahan kawasan flat merpati B dan juga di kondo Pandan Puteri dan juga di Majlis Daerah Hulu Selangor di kawasan perumahan kos rendah Bandar Utama Batang Kali Seksyen 3 dan juga di kawasan komersial Jalan Meranti 1. Cara yang digunakan PBT untuk melupuskan sisa kebun dan keratan ranting pokok tepi jalan ialah satu PBT melantik kontraktor pembersihan awam melalui tender terbuka yang merangkumi kerja-kerja kutipan sisa kebun dan keratan ranting di tepi jalan di kawasan operasi PBT. Kutipan yang dibuat sekurang-kurangnya dua kali seminggu mengikut kemampuan PBT dan juga sisa tersebut akan dihantar ke tapak pelupusan

sedia ada yang digunakan oleh PBT masing-masing sama ada tapak pelupusan sanitari ataupun tapak pelupusan yang lain. Bagi kutipan untuk sisa komersial bagi kedai-kedai komersial dan perindustrian adalah seperti satu, PBT melantik kontraktor kutipan sampah melalui tender terbuka. Dua, kutipan yang dibuat setiap hari kecuali hari Ahad. Ketiga, sisa tersebut akan dihantar ke tapak pelupusan sedia ada digunakan PBT masing-masing. Keempat, kutipan sisa industri adalah dilantik oleh pengusaha kilang. Terima kasih.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Yang Berhormat EXCO saya nak bertanya mengenai dengan status terkini mengenai lambakan sisa pepejal di kawasan Bukit Beruntung, Bukit Sentosa yang lama saya bangkitkan masih lagi menjadi pelabuhan penting untuk aktiviti kitar semula di sana. Saya tengok sisa pepejal di sana dilambakkam begitu sahaja dengan begitu banyak. Berbukit-bukit. Saya dah bangkitkan banyak kali isu ini. Apakah tindakan Kerajaan Negeri berkenaan isu ini. Faham tak?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, tentang apa yang dibangkitkan oleh Batang Kali tadi tidak berkaitan dengan isu

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ini kan isu pengurusan sisa pepejal.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Ini kitar semula yang dipanggil oleh Kajang.

TUAN SPEAKER : Batang Kali, ini adalah soalan kitar semula. Apa soalan tambahan Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Mengenai kitar semula. Dulu saya ada bangkitkan bahawasanya di kawasan Bukit Sentosa, Bukit Beruntung menjadi tempat kitar semula yang menyebabkan kawasan-kawasan publik menjadi tempat lambakan bahan-bahan. Jadi saya kata apakah tindakan Kerajaan Negeri dengan perkara ini.

TUAN SPEAKER : Itu soalan spesifik saya minta Seri Kembangan beri jawapan kepada Batang Kali nanti. Semenyih. Saya tak nampak Kajang tadi. Ia Kajang, soalan tambahan.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker, saya nak tanya kitar semula ini yang dikatakan juga baja-baja pelupusan

sisa kebun tetapi apakah tindakan kerajaan untuk dibuat kompos dan bagaimana komiti juga dilibatkan dalam aktiviti tersebut.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Untuk maklumat Kajang, Kerajaan Negeri sekarang tidak ada satu rancangan yang khaslah untuk kita buat sisa kompos tapi setiap PBT mereka mempunyai rancangan tempatan sendiri. Seperti kerjasama dengan JKP atau pun Persatuan Penduduk untuk terlibat bersama untuk dalam satu skim khas untuk mereka buat kompos di kawasan perumahan mereka.

TUAN SPEAKER : Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Tuan Speaker, Peraturan Tetap 24.2 saya memohon mengambil soalan No. 95.

TUAN SPEAKER : Dengki, saya belum lagi panggil, Semenyih.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Oh, fasal soalan tambahan?

TUAN SPEAKER : Ini masih soalan tambahan lagi.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Ok, ok, ok, I see, silap.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Proaktif dan dinamik, Puan Speaker laju sikit. Saya mengambi soalan No. 96, Peraturan Tetap 24.2, terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Yang Berhormat Dengkil. Tuan Speaker, sebelum saya jawab soalan ini, saya ingin ingatkan semua Yang Berhormat – Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, bahawa kalau ada penyata, penyata ini sebenarnya maklum balasnya akan dibentangkan semasa Dewan ini. Jadi jawapan lengkap yang bertulis akan diberi kepada semua ADUN-ADUN dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, memandangkan perkara ini adalah satu perkara yang penting di Negeri Selangor, maka saya akan memberikan ringkasan jawapan atau pun maklum balas yang saya telah serah kepada Dewan pada minggu sebelum ini.

Berdasarkan kertas Bil. 37/2015, iaitu Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Mentah (JKP-SAM) berhubung dengan pengurusan air Negeri Selangor, bagi cadangan Kerajaan Negeri iaitu untuk memastikan LUAS mempunyai perancangan yang lebih menyeluruh bagi mengawal pencemaran di sumber air mentah. Perkara pengawalan pencemaran ini dilaksanakan oleh LUAS berdasarkan kepada satu pelan strategik LUAS 2012 sehingga 2016. Semakan semula pelan strategik ini akan dilaksanakan pada tahun 2016 bagi perancangan

lima tahun seterusnya iaitu 2017 sehingga 2021. Bagi cadangan supaya Kerajaan Negeri menambah kakitangan kontrak LUAS, buat masa ini LUAS telah membuat pengisian jawatan kosong berdasarkan kelulusan pengukuhan organisasi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selain daripada itu, LUAS akan mengemukakan cadangan tambahan jawatan kontrak bagi memperkasakan pemantauan dan menguatkuasakan di Lembangan Sungai.

LUAS juga akan mengemukakan semula cadangan pemantapan organisasi kepada pihak JPA. Dari aspek perundungan dan penguatkuasaan, pelaksanaan diambil secara bersepadu dan holistik antara agensi-agensi yang berkaitan. Dan usaha penjagaan dan pemuliharaan sumber air juga dikuatkuasakan melalui beberapa jawatankuasa iaitu:-

- i) Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai
- ii) Pasukan Petugas Lembangan Sungai
- iii) Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air.

Kerajaan Negeri melalui LUAS kini dalam peringkat kajian semula perundungan sedia ada yang berkait rapat dengan pengurusan sumber air melalui kajian semula peraturan-peraturan kemasukan atau pelepasan bahan pencemar (Negeri Selangor 2012) di mana aktiviti-aktiviti yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran sumber air turut dikaji dan dipertimbangkan. Bagi perkara penganalisaan sampel, pihak Mahkamah hanya menerima sampel yang dianalisa oleh Jabatan Kimia Malaysia sahaja. Walau bagaimanapun, bagi tujuan siasatan awal dan pemantauan, sampel akan dihantar kepada makmal yang diakreditasikan untuk dianalisa. Bagi isu yang berkaitan tentang projek tapak pelupusan sampah Pajam di Negeri Sembilan. Perkara ini adalah di luar bidang kuasa negeri dan perlu melibatkan kerjasama daripada Negeri Sembilan dan Persekutuan. Maka surat daripada SUK Negeri Selangor turut telah dihantar kepada SUK Negeri Sembilan bagi menjelaskan dan menyelesaikan isu ini.

Soalan kedua, dari Semenyih adalah tentang dakwaan kos yang dibayar kepada satu syarikat yang dinamakan Chemindus Sdn Bhd bagi mengkaji kualiti air di Lembangan Sungai Selangor dan Sungai Langat. Tapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak Chemindus sebenarnya tidak dilantik atau pun diberi kontrak untuk mengkaji kualiti air dalam sungai-sungai tersebut. Chemindus hanya dijemput untuk membentangkan tentang teknologi yang boleh digunakan bagi rawatan air mentah di loji pembersihan air pada 6 Mei 2015 yang lalu di Mesyuarat JKP-SAM. Apa yang dibentangkan semasa mesyuarat ini sebenarnya pihak LUAS telah pun menggunakan teknologi tersebut yang dipanggil *Polialiminium Cloride (PAC)* dalam sistem rawatannya seperti mana yang dicadangkan oleh JKPSAM.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 96.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : BANTUAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah bantuan pendidikan fasa 1 kepada SAR, SJKC dan SJKT mengikut daerah pada tahun 2015.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat memberikan bantuan kepada Pusat Pendidikan Punjabi di Negeri Selangor pada tahun 2016 dan seterusnya? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu. Pertama tentang senarai bantuan pendidikan fasa 1 kepada SAR, SJKC dan SJKT dan Sekolah Menengah *Independent* Cina pada tahun 2015. Daerah Gombak SRA RM675 ribu, SJKC RM50 ribu, SJKT RM320 ribu. Daerah Hulu Langat, SRA RM934 ribu, SJKC RM150 ribu, SJKT RM270 ribu. Di Daerah Hulu Selangor, SRA jumlahnya ialah RM100 ribu, SJKC RM130 ribu dan SJKT RM335 ribu. Bagi daerah Klang, SRA RM510 ribu, SJKC termasuk Sekolah *Independent* Cina RM2,000,410, SJKT RM600 ribu. Daerah Kuala Selangor SRA RM278 ribu, SJKC RM90 ribu, SJKT RM615 ribu. Bagi daerah Kuala Langat pula, SRA mendapat RM90 ribu, SJKC RM30 ribu dan SJKT RM410 ribu. Bagi daerah Petaling, SRA RM458 ribu, SJKC RM480 ribu, SJKT RM800 ribu. Bagi daerah Sabak Bernam, SRA mendapat RM169 ribu, SJKC RM165 ribu, SJKT RM50 ribu. Bagi daerah Sepang SRA mendapat RM387 ribu, SJKC RM320 ribu dan SJKT mendapat RM380 ribu. Jumlah keseluruhannya ialah sebanyak RM12,306,000.00.

B, mengenai bantuan untuk Pusat Pendidikan Punjabi menerusi kawasan Dewan di Negeri Selangor, kita dalam peringkat perbincangan dengan mereka kerana cadangan awal yang disampaikan adalah lebih berbentuk program dan ini tidak sama dengan program bantuan sekolah yang merupakan bantuan infrastruktur. Tetapi kita dalam proses perbincangan dengan pihak kawasan Dewan iaitu NGO yang terbabit memberikan pendidikan bahasa Punjabi di Negeri Selangor. Dan kita melihat skop yang diutamakan ialah program latihan menguasai bahasa Punjabi dan latihan kepada guru-guru bahasa Punjabi dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pendidikan.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Berkenaan dengan jawapan A itu, saya rasa baki dia ada RM30 juta lebih jadi adakah ini akan semua diperuntukkan untuk fasa 2 atau pun ada cara lain.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Ya bakinya dalam proses pembayaran untuk fasa kedua.

TUAN SPEAKER : Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya hendak minta EXCO ini, berkenaan pembayaran atau pun yang kita katakan kita telah bagi seramai kepada sekolah-sekolah SJKT, SJKC ini dia punya bayaran dia cara mana? Melalui cek kepada tiap-tiap sekolah, melalui ADUN ke you masuk, melalui EFT kepada akaun-akaun sekolah?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Pemberian untuk sekolah-sekolah ini dibuat dalam bentuk cek, di mana pada tahun ini buat pertama kali kita buat kita turun ke daerah-daerah. 9 buah daerah di Negeri Selangor, kita ada 9 program bermula dengan daerah Gombak dan seterusnya kita pergi ke daerah-daerah lain untuk menyampaikan cek kepada semua sekolah-sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil kecuali untuk Sekolah *Independent* Cina yang mana kita buat satu majlis khusus, kita kumpul keempat-empat buah sekolah tersebut baru-baru ini untuk disampaikan cek tersebut.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya baru terima satu nota daripada EXCO ya, di mana ulasan tindakan MMKN yang katakan tolak sebab cek-cek yang diberikan kepada ADUN-ADUN selama ini tidak dibagi kepada sekolah. Ulasannya ialah mengikut pengalaman yang lepas, kebanyakan cek yang telah diserahkan disimpan di pejabat DUN dan PKM sehingga tarikh cek luput. / *don't understand this, can you tell me?*

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Yang Berhormat, Tuan Speaker ini tentang hadiah anak masuk Universiti, benda lain jadi saya, saya faham tapi ini tentang soalan bantuan sekolah.

TUAN SPEAKER : Ya, soalan yang berbeza. Tak payah jawab. Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ok, tahun lepas ada satu kesilapan di mana Kerajaan Negeri telah bayar dua kali kepada beberapa SJKC, saya ingin tanya masalah ini telah selesai ke belum? Adakah semua SJKC-SJKC sudah pulang *payment* yang extra itu, terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Secara saya boleh jawab secara dasar, secara spesifik saya kena semak semula. Memang berlaku pembayaran dua kali kepada beberapa buah SJKC dan kita telah meletakkan syarat sekiranya SJKC tersebut berminat untuk menerima bantuan pada tahun ini, maka mereka harus pulangkan terlebih dahulu bantuan terlebih tersebut. Jadi, kita telah menerima beberapa buah sekolah telah memulangkannya dan mereka dapat menerima bantuan pada tahun ini. Tetapi kalau yang belum bayar balik, yang itu saya tidak pasti berapa bilangan, kita tidak akan memberi bayaran sehingga bayaran terlebih itu dipulangkan semula.

TUAN SPEAKER : Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya No. 97.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PERUMAHAN MARHAEN

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah rumah yang telah dibina di bawah portfolio kerajaan prihatin untuk orang miskin di kawasan DUN Selat Klang?
- b) Bagaimanakah kerajaan boleh mempercepatkan kelulusan permohonan?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin adalah berperanan untuk membantu keluarga yang kurang berkemampuan bagi mendapatkan sebuah rumah yang selesa dan selamat untuk didiami di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Program ini disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah di mana jumlah pendapatan seisi rumah adalah di bawah RM1,500 sebulan. Bantuan ini diutamakan kepada pemohon yang mempunyai tanggungan yang ramai, menduduki rumah yang daif dan tidak selamat untuk diduduki. Di bawah program ini kelulusan bagi sesebuah rumah adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan. Kelulusan yang diberi melibatkan 9 buah daerah di Negeri Selangor dan tidak dipecahkan mengikut kawasan DUN. DUN Selat Klang terletak di bawah

daerah Klang. Golongan miskin yang telah menerima bantuan rumah bagi daerah Klang di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin adalah seramai 181 orang sejak tahun 2008 sehingga kini. Jumlah penerima bantuan Bina Baru Rumah sebanyak 120 orang dan Bantuan Baik Pulih Rumah sebanyak 61 orang.

Kerajaan Negeri telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM4,453,222.24 dari tahun 2008 sehingga kini. Dalam membantu golongan sasaran ini demi memberi bantuan terbaik. Berikut adalah jadual pecahan jumlah penerima bantuan Rumah Kerajaan Prihatin di daerah Klang dari tahun 2008 hingga 2015. Berkenna tentang jadual tersebut saya akan panjangkan.

Keseluruhannya bagi B, proses kelulusan bagi permohonan di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin bermula dari awal permohonan sehingga diberi kelulusan bergantung pada sesebuah permohonan atau kes. Hal ini adalah bergantung pada jumlah permohonan yang diterima dari satu-satu daerah. Berikut adalah modus operandi dan tempoh pelaksanaan Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin dari awal permohonan sehingga selesai pembinaan. Pertama permohonan daripada Pejabat Daerah berkenaan. Tidak ditetapkan tempoh masa kerana permohonan adalah terbuka kepada seluruh rakyat Negeri Selangor mengikut syarat dan kelayakan. Berdasarkan kelengkapan, dokumen dan permohonan yang diterima, kedua semakan awal dan lawatan siasatan. Siasatan rumah adalah bergantung pada jumlah permohonan dan dinilai dengan nisbah 20 permohonan bagi dua minggu.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan mesyuarat diadakan selepas seminggu daripada tempoh selesai siasatan melibatkan faktor penyiapan buku laporan mesyuarat. Selebihnya adalah lantikan Kontraktor dari Pejabat Daerah mengambil tempoh pengiklanan selama satu minggu melibatkan proses buka tender, seterusnya pemindahan rumah mengambil masa kurang daripada 3 bulan, dan selebihnya pemantauan rumah dilaksanakan selepas tempoh enam bulan setelah kerja-kerja bina baru rumah selesai dijalankan. Oleh demikian, setiap fasa yang dinyatakan tersebut perlu dilalui untuk memastikan pemohon adalah benar-benar layak dan bantuan yang disampaikan dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Buat masa kini Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai perancangan khusus dalam menambah baik permohonan. Namun begitu, Kerajaan Negeri menyambut baik saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-yang Berhormat yang sentiasa terbuka kepada cadangan pendapat dan nasihat yang dikemukakan bagi menjamin kelancaran permohonan dan kesejahteraan rakyat khususnya.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Puan Speaker, saya kurang puas hati dengan jawapan itu...

TUAN SPEAKER : Maaf Selat Klang masa telah menunjukkan jam 11.00 pagi dengan ini saya tangguh sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya. Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 semua peringkat.

III. RANG UNDANG-UNDANG

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa. Baiklah saya menjemput YB Cempaka untuk menyambung penjelasan bagi Jadual B(16) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Puan Pengerusi, seperti mana yang saya nyatakan semalam bahawa Kerajaan Negeri tidak ada satu perancangan yang menyeluruh untuk membangunkan semula kawasan-kawasan yang usang walau bagaimanapun terdapat usaha dan inisiatif daripada Anak-anak Syarikat Negeri contohnya Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor telah membangunkan rumah kos rendah di Taman Keramat sehingga ia telah menjadi satu pembangunan yang nama Datum Jelatik dan juga terdapat usaha-usaha lain daripada PKNS iaitu seperti di rumah kos rendah Taman Keramat yang dikenali sebagai Pangsapuri *Colombia*. Walau bagaimanapun masih rundingan bersama penduduk masih lagi sedang berjalan oleh sebab terdapat banyak perkara yang dipersetujui bersama di antara PKNS dan juga penduduk. Untuk makluman YB bahawa terdapat pemaju-pemaju swasta yang lain yang telah berjumpa dengan persatuan penduduk atau pun JMB untuk membangunkan kawasan-kawasan mereka ini. Walau bagaimanapun *direction* atau pun perkara yang perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan *Insya-Allah* kita akan berbincang dengan pihak sama ada Jabatan Perancangan Bandar dan Lembaga Perumahan Selangor supaya satu *timeline* untuk pembangunan rumah-rumah pangsa ataupun pangsapuri-pangsapuri yang usang ini, saya rasa kita telah melepaskannya kepada inisiatif individu *developer* atau pun JSC mungkin kali ini pihak Kerajaan Negeri sendiri yang perlu masuk ataupun *step in* untuk memastikan bahawa pembangunan ini dilakukan dengan secara terancang. Selain daripada itu kita juga hendak menjaga kepentingan penduduk-penduduk sebab ada juga saya mendapat maklum balas atau pun permohonan daripada penduduk yang sedang berunding dengan pemaju-pemaju contohnya di Kelang di Jalan Kem, Pangsapuri Kos Rendah Jalan Kem telah datang kepada saya penduduknya telah datang dan sedang berunding dengan pemaju dan mereka mahu *feedback* daripada pihak Kerajaan Negeri jadi bermakna

TUAN TIMBALAN PENGERUSI : Teratai

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Tuan Timbalan Pengerusi, memandangkan Y.B. EXCO ada menyentuh berkenaan dengan kepentingan

penduduk apa yang berlaku ialah bagi Dasar Penstruktur Negeri, dengan yang telah dibentangkan kepada semua YB adakah Jabatan Perancang Bandar dan Desa akan memaklumkan kepada pihak-pihak berkepentingan dan bukan hanya sekadar melalui surat khabar atau pun pergantungan *banner-banner* di kawasan jalan-jalan utama, terima kasih.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Adakah ini untuk kita sedang berbincang tentang perbelanjaan kawasan-kawasan yang usang walau bagaimanapun kalau untuk pembangunan semula bagi sesuatu kawasan itu perlu mereka perlu berhubung terus dengan penduduk sebab kalau untuk membangunkan semula contohnya pangaspuri kos rendah mengikut undang-undang di Malaysia iaitu bahawa kita perlu dapat seratus peratus *consent* daripada penduduk ni masalah nya bukan bermakna ia bagus sebab dia dapat *protect interest* dengan izin memelihara akan hak mereka terlibat tetapi kadangkala kita atau pun pemaju menghadapi masalah untuk mendapatkan seratus peratus *consent* seperti mana di PKNS saya difahamkan bahawa masih lagi sedang berunding walau bagaimanapun ada cara lain iaitu kita menggunakan Akta Pengambilan Tanah yang itu kita tidak perlu *consent* seratus peratus tetapi yang kalau kita nak melalukan melalui Akta Pengambilan Tanah bermakna bahawa kerajaan atau pun pemaju perlu membuktii bahawa pengambilan itu adalah di atas dasar kepentingan umum, kepentingan rakyat jadi bermakna bahawa mungkin selain daripada hospital, jalan, sekolah, perumahan kos rendah atau pun rumah mampu milik ini boleh diklasifikasikan sebagai kepentingan umum jadi untuk menjawab persoalan tadi adalah mungkin tiba masanya sekarang ini Kerajaan Negeri sendiri yang mengawal yang *lead* atau memimpin atau pun *lead* inisiatif untuk membangunkan kawasan-kawasan yang usang ini dan tidak hanya membiarkan kepada pemaju-pemaju untuk membuat rundingan memang banyak pemaju-pemaju buat rundingan dan memang penduduk datang kepada saya mohon bantuan adakah *offer* atau tawaran mereka ini boleh diterima atau tidak. Jadi bermakna bahawa lebih baik kerajaan mengawal perkara ini, terima kasih.

TIMBALAN PENGERUSI : Jadual B(16) iaitu wang sejumlah RM8,855,893.00 (Ringgit Malaysia Lapan Juta, Lapan Ratus Lima Puluh Lima dan Lapan Ratus Sembilan Puluh Tiga) untuk kepala B(16) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

PENOLONG SETIAUSAHA: Jadual B(17) Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM 16,250,380.00 (Ringgit Malaysia Enam Belas Juta Dua Ratus Lima Puluh Ribu Dan Tiga Ratus Lapan Puluh).

PENGERUSI : Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Merujuk kepada 5050 di muka surat iaitu Jabatan Veterinar kalau lihat keperluan lembu di waktu Hari Raya Korban dia sangat tinggi sampai ada yang di negeri Selangor sangat rendah keduanya masalah lembu-lembu yang berkeliaran di kawasan-kawasan bandaran sehingga ini kerajaan masih tidak dapat menyelesaikan menempatkan semula lembu tersebut bila kerajaan mengenal pasti tanah-tanah untuk menempatkan lembu-lembu ini.

PENGERUSI : Pihak Kerajaan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Kota Anggerik yang memberikan ulasan. Alhamdulillah, dari sudut pembekalan lembu-lembu semasa Hari Raya Haji dapat kita tanggapi kerana negeri Selangor adalah merupakan pusat yang pusat yang berdekatan dengan pembekal-pembekal dan Alhamdulillah melalui pembekalan secara setempat kita dapat atasi perkara-perkara ini. Walau bagaimanapun memang kita masih lagi kekurangan dan kita menggalakkan industri ternakan dominan ini dan cadangan daripada Kota Anggerik supaya difikirkan tapak dan tempat sesuai untuk ternakan-ternakan khususnya lembu ini memang adalah merupakan satu perkara yang sentiasa difikirkan dan seperti mana yang pernah disebut sebelum daripada ini kita ada beberapa tempat termasuk di Sungai Nilam, dan yang barunya di Olak Lempit dan Insya-Allah dari sudut perbincangan bersama dengan penternak-penternak ini sentiasa dilakukan dan mudah-mudahan dari masa ke semasa dapat kita atasi seperti mana perkara yang dibangkitkan oleh Kota Anggerik.

TUAN PENGERUSI : Jadual B(17) RM 16,250,380.00 (Ringgit Malaysia Enam Belas Juta Dua Ratus Lima Puluh Ribu Dan Tiga Ratus Lapan Puluh). Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

PENOLONG SETIAUSAHA : Jadual B(18) Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Petaling RM 15,025,306.00 (Ringgit Malaysia Lima Belas juta, Dua Puluh Lima Ribu dan Tiga Ratus Enam)

TUAN PENGERUSI : Batu Tiga

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih, Tuan Pengerusi saya ingin membangkitkan tentang Kod Objek (34000)iaitu tentang Kenderaan dan Jentera. Saya ingin nyatakan baru-baru ini kita ada melaksanakan Program Fasa Ke2 Skim Usia-usia Emas, Alhamdulillah sekarang ini program tersebut berjalan lancar boleh dikatakan setiap bulan pegawai-pegawai daerah turun padang untuk memastikan KPI yang dinyatakan dapat dipenuhi tetapi malangnya kadang-kadang program itu terpaksa dibuat di waktu kerja atau pun kadang pun di waktu tengah hari di mana waris-waris tidak dapat hadir pada program tersebut dan menyebabkan banyak *casualties* atau pun dengan izin banyak ketidakhadiran daripada waris-waris

disebabkan waktu yang dibuat itu tidak bersesuaian kita memohon supaya program-program itu selepas waktu kerja sama ada waktu malam atau pun hujung minggu. Apa yang ingin saya bangkitkan di dalam kod Objek ini adalah di antara sebab bila perbincangan telah dilakukan pegawai-pegawai menyatakan bahawa kebanyakannya mereka tidak mempunyai kenderaan untuk hadir atau pun pergi ke tempat tersebut atau pun tempat yang dinyatakan sebab kenderaan begitu terhad jadi atas dasar itu saya menyarankan kalau benar lah perkara ini berlaku dan pihak Pejabat Petaling memerlukan kenderaan yang mencukupi saya mengharap pihak kerajaan mempertimbangkan untuk memberikan kenderaan yang sesuai atau pun yang membeli kenderaan baru untuk mereka bertugas dengan lebih selesa jadi itu cadangan daripada saya, terima kasih.

PENGERUSI : Taman Medan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih,Tuan Pengurus Taman Medan ingin menyentuh Butiran 525000 bawah Tajuk Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan lain. Taman Medan menghadapi masalah pencemaran Sungai Kelang dan juga kawasan yang di pesisir Sungai Kelang bukan itu sahaja rancangan telah dibuat untuk menaik tarafkan kawasan tersebut hanya ia telah mengambil masa yang begitu lama dan dalam proses tersebut terdapat beberapa kuil dan juga guru warang perlu dipindahkan dan sehingga kini pihak Pejabat Tanah dan Daerah belum lagi dapat mengenal pasti tanah-tanah baru untuk dipindahkan kuil-kuil yang berada di tempat tersebut dan juga guru wara. Perkara kedua adalah pencemaran terus berlaku walaupun telah dijalankan pembersihan buat beberapa kali dan ini telah menimbulkan peningkatan kos untuk menjalankan tugas tersebut dan perkara ketiga adalah terdapat pemilik tanah yang telah menyalahgunakan status tanah tersebut kerana tanah yang dimiliki itu adalah untuk tapak sekolah tetapi telah digunakan untuk pemprosesan pasir jadi perkara ini berterusan sehingga ke saat ini dan Taman Medan mohon supaya PTD Petaling mengambil tindakan segera kerana ia telah menimbulkan kacau ganggu penduduk di sekitar tersebut dan juga telah menelan belanja yang begitu besar untuk terus menerus membersihkan kawasan yang berkaitan itu sahaja.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya persilakan pihak kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Pengurus, saya mengambil maklum beberapa perkara spesifik yang dibangkitkan oleh Batu Tiga dan Taman Medan. Batu Tiga ada membangkitkan soal keperluan kenderaan bagi melancarkan lagi pentadbiran dan pengurusan di PTD yang berkenaan, pastinya saya akan membawa perkara ini untuk melihat keperluan Kerajaan Negeri untuk membantu PBT bagi maksud tersebut secara khusus. Dan berhubung dengan pencemaran Sungai Klang yang akan melibatkan pemindahan kuil ataupun Gurdwara pastinya ia memerlukan proses perbincangan antara pengurusan kuil dan Gurdwara dan mengenal pasti tapak..

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA : Mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA : Pihak Gurdwara dan juga kuil telah bersetuju untuk dipindahkan hanya mereka perlu tanah di tempat lain dan tidak mensyaratkan tanah itu mesti di tapak yang berhampiran.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih diatas maklumat Taman Medan. Saya akan merujuk perkara ini kepada PTD, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling untuk melihat lokasi yang sesuai bagi maksud pemindahan tersebut dan kerja-kerja pemuliharaan Sungai Klang ini memang dalam proses yang saya telah nyatakan dalam ucapan Belanjawan di mana ini adalah komitmen Kerajaan Negeri walaupun sebelum ini telah bermula tetapi ia lebih kepada soal perancangan untuk mewartakan tebing-tebing sungai yang berkenaan. Dalam fasa yang kedua dan ketiga ini, kita memerlukan satu peruntukan yang akan dikongsi bersama dengan semua PBT termasuk di MBPJ untuk melihat bagaimana sungai-sungai ini dapat dipulihkan dan diselamatkan daripada pencemaran yang sedang berlaku tetapi perkara khusus yang dibangkitkan oleh Taman Medan akan saya berikan secara bertulis. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Jadual B (18) iaitu wang sejumlah RM15,025,306.00 untuk Kepala B(18) Pejabat Daerah dan Tanah Petaling menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Tak dengar lah. (Ahli dewan kata ya). Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B (19) Pejabat Daerah dan Tanah Gombak RM13,919,211.00.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Pengurus. Saya merujuk muka surat 130, Kod Program 505000 yang merupakan Emolumen RM10,000.00 dan Perkhidmatan dan Perbekalan RM20,000.00. Pertamanya di kawasan tersebut adalah pembaharuan dan pembangunan yang telah dilakukan oleh Sime Darby dengan KL East dan Anjung Kuala Lumpur, Anjung Timur Kuala Lumpur. Dan ia menunjukkan satu tahap yang cukup baik untuk memaparkan, masuk sahaja ke Selangor, disambut oleh Kuala Lumpur yang asalnya daripada Taman Malawati dan Taman Melati. Tapi, terus ke depan, dekat dengan Zoo Negara ada Kampung Fajar, kampung setinggan. Jadi, isu setinggan ini adalah isu yang banyak kali kita timbulkan. Usaha pun telah kita lakukan secara langsung dengan pihak kerajaan. Pihak EXCO yang bertanggungjawab saya yakin, faham sepenuhnya, jadi saya

meminta agar pihak kerajaan merancang cara yang bersepadan dan menyeluruh pemulihan ataupun pembinaan semula ataupun pemindahan ataupun apa keadaan terbaik agar Hulu Kelang yang merupakan sebahagian daripada Anjung Timur Kuala Lumpur dilihat ceria, bersih, kemas dengan memastikan bahawa kawasan-kawasan setinggan di Kampung Fajar, Kampung Kemensah, Kampung Warisan dan Kampung Batu 71/2 bersih daripada masalah setinggan dan masalah penduduk yang duduk di kawasan setinggan.

Pengerusi, yang keduanya yang ingin saya timbul dan bangkitkan di sini adalah tentang keadaan permohonan tanah yang bertindih. Ada kes-kes seperti di Kuala Lumpur merupakan pertindihan yang kemungkinan besar kesilapan yang dilakukan oleh Pejabat Daerah zaman di bawah Pejabat Tanah Kuala Lumpur lagi. Tapi, perlu dikemaskinikan agar rakyat tidak kecewa memandangkan mereka tidak boleh membuat sesuatu menaik taraf rumah mereka, meningkatkan keadaan rumah mereka dan sebagainya, jadi masalah pertindihan geran tanah berlaku yang tidak dapat diselesaikan sehingga kini bersama-sama dengan Pejabat Daerah Gombak. Dan ketiganya, adalah isu permohonan dan permintaan penduduk khususnya masyarakat Melayu yang berada di kawasan AU2, AU4, AU5 Taman Melawati sebahagiannya yang memohon agar keadaan *free lease hold* ditingkatkan kepada keadaan *free hold* yang mana merupakan di Hulu Kelang kalau pemajunya swasta maka tanah itu status nya adalah *free hold*. Jadi, perkara ini telah dibangkitkan banyak kali termasuk daripada mantan Menteri Besar yang lalu dan beliau mempunyai satu pandangan dan saya ingin mendapatkan pandangan yang lebih terkini daripada Dato' Menteri Besar yang ada sekarang. Kemudian, saya ingin, mungkin nak rakamkan tentang tanah kubur. Telah diisyiharkan oleh Dato' Menteri Besar ketika mengadakan pertemuan dan dialog di Hulu Kelang bersama penduduk tentang telah diputuskan kawasan hutan yang telah digazetkan untuk menyediakan tanah kubur tapi kita, saya bangkit di sini untuk memastikan bahawa perkara itu dirakamkan di dalam *hansard* dewan yang mulia ini. Dan sebagai masalah yang tidak dapat diselesaikan berterusan adalah pertelingkahan di antara penduduk-penduduk dengan pengusaha dan pemaju Rumah-rumah Ibadat Bukan Islam di Hulu Kelang yang berlaku ada di Ukay Perdana, di Kuala Ampang, di mana kuil-kuil dan tokong-tokong itu dibina, tapak-tapak yang tanah kerajaan dah *reserve*, sungai, yang menimbulkan keresahan dan kacau ganggu pada penduduk dan komen ini telah dapat kita utarakan. Selain daripada itu, kerjasama dan sokongan serta bantuan daripada Pegawai Daerah dan pegawai-pegawai Pejabat Tanah dan Daerah Gombak cukup baik dan dia telah banyak menyelesaikan masalah permohonan tanah dan masalah pertikaian tanah di Gombak. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin bertanya kepada pihak kerajaan untuk tiga perkara sahaja. Yang pertama, saya ingin merujuk kepada muka surat 131 di bawah butiran Program 524000

Pembangunan. Kod 10000 Emolumen. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan sama ada mengkaji nisbah kapasiti kerja ataupun jumlah *transaction* tanah dengan bilangan S.O., *Settlement Officer* yang mencukupi. Sebab pemerhatian saya, daerah Gombak ini adalah satu daerah yang besar dan adalah antara satu daerah yang telah memungut hasil tanah yang antaranya tertinggi di Selangor untuk tahun-tahun lepas jadi untuk kita sebagai sebuah agensi kerajaan yang penting sudah patutnya kita telah tetapkan KPI untuk mereka untuk sediakan laporan tanah dengan cepat jadi dengan itu kita perlu kan bilangan S.O yang mencukupi untuk turun ke padang untuk buat laporan tanah jadi saya memohon kalau ada dikaji sebelum ini, saya difahamkan di daerah Gombak mungkin tak cukup tetapi ada tak ada kajian yang dijalankan secara menyeluruhnya supaya kita ada S.O. yang mencukupi dan boleh turun padang untuk buat laporan tanah dan seterusnya bentang di Jawatankuasa teknikal tanah untuk kelulusan dalam tempoh yang ditetapkan.

Yang keduanya, saya ingin merujuk kepada muka surat 132 di bawah Hasil, Kod 52600 Kod 17000. Sebelum ini saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri ada menyediakan insentif kepada pihak Pejabat Tanah dan Daerah yang berjaya kalau boleh mengutip hasil tanah melebihi 90% di Selangor. Saya menyambut baik pihak, usaha pihak kerajaan ataupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan Belanjawan yang baru lepas bahawa kita peruntukkan bantuan kaunter bergerak untuk kutipan hasil tetapi saya ingin cadangkan kalau boleh insentif yang diberikan, saya difahamkan sebelum ini kalau melebihi 90% diperuntukkan RM100,000 kepada sesebuah Pejabat Tanah itu sebagai galakan kepada mereka dan juga penghargaan terhadap komitmen yang dibuat oleh pihak Pegawai Pejabat Tanah. Kalau boleh saya harap boleh ditingkatkan sebab setiap Pejabat Tanah tu dia ada kapasiti, *transaction* tanah yang berbeza, jadi, dia ada kategori-kategorinya untuk kita tetapkan supaya Pegawai Pejabat Tanah ini yang bertungkus-lumus untuk memungut hasil mereka boleh mendapat insentif untuk teruskan kerja-kerja ini dan juga seterusnya meningkatkan kebajikan untuk Pegawai Pejabat Tanah. Dan akhir sekali, saya ingin merujuk kepada kod tentang kenderaan, sebab sebelum ini saya juga minta kalau boleh dikaji ada tak kenderaan yang dibekalkan oleh, kepada Pejabat Tanah Daerah Gombak mencukupi sebab ada S.O. sebelum ini beritahu saya dia nak turun buat laporan tanah tetapi sebab kawasan yang berhutan dan bukit-bukau jadi mereka sampai setengah jalan tak boleh masuklah jadi saya minta kalau boleh dikaji supaya kelengkapan yang sepatutnya diberikan kepada pihak S.O. (*Settlement Officer*) ataupun pegawai yang berkenaan untuk mereka melaksanakan tugas. Itu sahaja.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN : Terima kasih Tuan Pengurus. Merujuk kepada Vot B(19) muka surat 131, Butiran Program 525000 Kod 20000. Berhubung dengan Pengurusan Tanah. Gombak Setia ingin mendapat penjelasan dan maklumat sama ada dari sudut pengurusan tanah-tanah terutamanya tanah-

tanah kerajaan seperti mana yang dibangkitkan tadi ada tanah-tanah kerajaan yang telah diceroboh hari ini. Adakah kita mempunyai satu peruntukan yang khusus ataupun termasukkah peruntukan itu dalam pengurusan tanah ini untuk kita mengurus tanah-tanah kerajaan ini supaya tidak lagi diceroboh. Dan juga tanah-tanah yang sudah kita rampas kerana aktiviti-aktiviti haram yang dikerjakan sama ada pencerobohan kerana pembuangan sampah ataupun kerana pencerobohan-pencerobohan yang lain, bagaimana kita nak mengurus semula tanah ini dan saya kira peruntukan yang sewajarnya perlu diberikan kepada pihak pejabat tanah dan daerah supaya tanah-tanah ini tidak lagi diceroboh dan tanah kerajaan ini dapat diurus dengan baik. Terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER : Saya, persila pihak kerajaan. Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya memberikan jawapan dan *respond*, saya pohon kerjasama daripada semua Pegawai-Pegawai Daerah dan juga PTG untuk berada di *machine* ataupun *laptop* masing-masing untuk memberikan *response* kerana di peringkat jawatankuasa ini perkara-perkara yang dibangkitkan adalah perkara-perkara yang khusus, yang spesifik dan saya berharap ketua-ketua jabatan dan Pegawai Daerah dapat membantu memberikan fakta dan maklumat yang tepat kepada ahli-ahli MMKN dalam memberikan jawapan, ya. Beberapa *response* yang saya terima sebentar tadi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu kelang tentang pembangunan semula Kampung Fajar, untuk makluman Yang Berhormat perkara ini akan diselesaikan serentak dengan program *River of Life* dan peruntukan yang akan digunakan adalah peruntukan daripada Persekutuan dan kita dalam peringkat untuk memastikan apa yang telah diputuskan sebelum ini di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan itu dapat dilaksanakan bagi mengimbangi pembangunan yang agak pesat yang berlaku di Taman Melawati dan juga di Kampung Kemensah dan Kampung Fajar sekarang ini terhimpit di antara pembangunan ini dan sudah tentulah kita mahu tindakan segera diambil seperti yang telah dijanjikan oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya dimaklumkan oleh pegawai yang menjadi Pengarah kepada Program ROL di kawasan tersebut bahawa peruntukannya adalah RM30 juta melibatkan pemindahan IKS AU3 dan juga pemindahan semula Kampung Fajar. Adakah maklumat itu ada pada Dato' Menteri Besar?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ya perkara ini diputuskan oleh mantan Menteri Besar yang lalu bersama Menteri di Jabatan Menteri, apa nama dia..Dato' Idris Jala, dalam pertemuan di peringkat negeri satu ketika dahulu. Namun yang saya nyatakan tadi, semua keputusan itu mestilah diterjemahkan dalam bentuk tindakan dan kita mahu semua Industri Kecil, IKS di AU3 itu dihubungi segera dan di .. walaupun saya sendiri telah bertemu dengan mereka tetapi kita mahu jaminan

bahawa tempat dan lokasi IKS yang baru itu mesti dibina terlebih dahulu sebelum pemindahan dibuat kepada mereka kerana, kalau tidak ia .. pendapatan mereka akan terputus untuk satu tempoh yang panjang. Begitu juga dengan peneroka-peneroka bandar di Kampung Fajar, mereka mahu jaminan bahawa peruntukan yang telah dijanjikan itu dapat diterjemahkan dalam pembangunan semula perumahan sebelum mereka ini dipindahkan kerana kita tidak mahu projek-projek ini tertangguh dan menyebabkan mereka akan tinggal di rumah-rumah panjang dan mereka yang bermiaga akan terputus pendapatan mereka. Berhubung permohonan tanah yang bertindih, saya percaya di pihak PTG kita ada *task force* yang meneliti perkara-perkara khusus yang berlaku di setiap Pejabat Tanah dan Daerah dan perkara ini akan diberikan perhatian termasuk di Kuala Lumpur yang saya sendiri telah memaklumkan kepada Pegawai Daerah supaya segera menyelesaikan masalah pertindihan.

Tentang *lease hold* ini, ada juga permintaan, saya telah bertemu dengan penduduk-penduduk AU5 Lembah Keramat, cuma dalam perbincangan itu saya juga mengingatkan mereka sekiranya Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan kelulusan *lease hold* ini, pastinya premium itu jauh lebih besar daripada apa dibayar sekarang. Apakah mereka mampu untuk menampung pembayaran yang berkenaan? Yang keduanya, ia juga menjadi beban kepada Kerajaan Negeri sekiranya kita perlu mengambil.. *acquire* tanah-tanah untuk pembangunan dan kemudahan awam dan kos nya begitu tinggi. Tetapi perkara ini masih dalam proses perbincangan, kita ingin melihat apakah yang terbaik bagi mereka yang penting jaminan penduduk-penduduk di kawasan yang berkenaan bahawa tapak-tapak rumah mereka akan kekal dimiliki oleh mereka dengan kemampuan yang ada untuk membayar premium kepada kerajaan. Bagi tanah kubur yang dimaksudkan tersebut untuk makluman Yang Berhormat, rizab kubur ini sekarang ini dalam tindakan Jabatan Hutan untuk diwartakan, pendengaran awam telah pun dijalankan dan proses ini akan kita segerakan. Yang Berhormat Rawang ada bertanya tentang insentif atau ganjaran yang diberikan. Ganjaran dan insentif boleh diberikan dalam pelbagai bentuk. Salah satu cara yang saya lakukan beberapa bulan yang lepas ialah menggunakan pendekatan *soft diplomacy* di mana saya memanggil semua ADO yang, pegawai-pegawai di Pejabat Daerah dan Tanah yang mengutip hasil ini dan saya mengadakan pertemuan secara bersantai dan bertemu dengan mereka untuk menyatakan penghargaan Kerajaan Negeri kepada mereka yang bekerja kuat untuk meningkatkan hasil di Pejabat Daerah masing-masing. Ini antara pendekatan supaya pihak *Executive* tidak *disconnect* dengan pegawai-pegawai di peringkat daerah dan ini juga telah kita laksanakan selain daripada insentif dan ganjaran yang telah dilakukan sebelum ini. Berhubung dengan kenderaan, begitu juga tadi di Pejabat Daerah Petaling juga dibangkitkan juga perkara yang sama, kita nak nyatakan di sini bahawa pembelian aset ini termasuk kenderaan ini adalah di bawah peruntukan Pejabat Daerah dan Tanah itu sendiri, melihat keperluan yang dijangkakan bagi daerah yang berkenaan. Gombak Setia menyatakan tentang tanah-tanah yang dirampas, apakah tindakan kita ini kita ada SOP yang jelas untuk

memastikan tanah-tanah kerajaan khususnya tidak disalahgunakan dengan aktiviti pembuangan sampah-sampah haram dan kita pastinya tidak akan berkompromi. Yang Berhormat sedia maklum, saya sendiri telah terjah ke beberapa kawasan dan tindakan yang sama telah kita buat dan ini akan diteruskan sekiranya ada pemilik tanah yang bersekongkol dengan pengusaha-pengusaha ini untuk tujuan merosakkan tanah-tanah tersebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Jadual B(19) iaitu wang sejumlah RM13,919,211.00 untuk Kepala B(19) Pejabat Daerah dan Tanah Gombak menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli dewan kata ya). Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B(20) Pejabat Daerah dan Tanah Klang RM13,932,796.00.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Timbalan Speaker. Sri Andalas hendak ambil bahagian dalam perbahasan ini mengikut muka surat 137, Butiran 526000 Kod 20000. Saya mula-mula nak ucapkan syabas dan tahniah kepada Pejabat Tanah Klang sebab mereka pun telah dapat *Standard ISO* dan juga ganjaran-ganjaran yang lain tetapi pada masa yang sama, saya nak bangkitkan dua perkara. Satu, ialah baru-baru ini kita telah dapat kelulusan dari EXCO untuk robohkan satu kuil di tepi jalan dan saya dengan berbesar hati pun telah turun dan telah buat semakan dan sebagainya. Dan kelulusan itu sudah dapat dan sudah pun dilakukan oleh Pejabat Tanah. Tetapi apa yang saya nampak ialah robohan itu tidak dibuat dengan baiknya. Sekarang ada *structure* yang berdiri sampai orang-orang yang jalan tepi tempat tu boleh nampak dia roboh, bumbung dia dipecah dan sebahagian dia punya dinding dipecah. Tetapi *structure* dia masih ada dalam tepi jalan. So, kalau boleh saya minta ya, Pejabat tanah untuk, kalau sudah dapat kelulusan, *you clear the whole thing once and for all*, tak payah orang nampak, nampak melalui jalan itu dengan keadaan yang ada ya. Bukan senang untuk kita buat sesuatu tetapi ini ialah atas permintaan semua jawatankuasa dan telah pun dipersetujui oleh semua, pihak kuil sendiri untuk dia ubah kepada tempat lain dan kita telah pun saksi di dalam..ini ialah di dalam Taman Sentosa ya, di belakang *hypermarket*, apa nama dia..di Sentosa lah ya. NSK, di belakang dia, satu.

Nombor dua, kita Adun ni, kita buat program di dalam kawasan sebab kita ada peruntukan yang diberi oleh negeri dan Adun ini ialah banyak aktif. Dia buat program tiap-tiap minggu, kita ada program tiap-tiap minggu. Bayaran itu semua kita ditanggung oleh kerajaan dan oleh..disemakkan oleh Pejabat Tanah. Saya minta kalau ada ISO, kalau ada SOP ni bila Adun sudah pun bagi permintaan atas program-program masing-masing di dalam kawasan, mesti ada satu tempoh di mana cek-cek berkenaan dengan bayaran itu kena dikeluarkan dalam tempoh masanya.

Janganlah sampai satu bulan, satu bulan setengah lepas itu ADUN-ADUN ada masalah di dalam kawasan untuk teruskan dengan program-program yang telah pun di bincang dan dipersetujui oleh kerajaan dan sebagainya. So, saya minta semakan kena dibuat dan SOP itu mesti diikuti dan keberkesanannya ialah baik kepada Kerajaan Negeri dan juga kepada kawasan di bawah.

Akhir sekali, ada banyak permintaan tanah tentang tempat Ibadat Selain Islam di dalam kawasan Klang, ya. Memang sesak, memang ada masalah. Saya akui ya. Tapi saya minta Pejabat Tanah untuk proaktif atas isu-isu ini di mana kes-kes individu itu dibawa dan cuba untuk selesaikan masalah kalau boleh dengan secepat mungkin. Kalau sangat susah, kita tidak boleh selesai, itu lain cara, tapi kalau ada jalan yang kita boleh gunakan untuk selesaikan masalah, saya minta kerjasama dari pegawai-pegawai dari Pejabat Tanah untuk atasi masalah itu, proaktif dan cuba selesaikan masalah. Dan ikut apa yang dikehendaki oleh negeri dalam isu ini. Itu sahaja sekian.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Pengerusi.

TIMBALAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 136, Butiran 525000 di bawah Kod Objek 29000 Pengurusan Tanah. Apa yang ingin saya bangkitkan di sini adalah isu yang ada di kawasan saya iaitu di Kampung Kenangan Klang yang mana tanahnya dahulu diduduki oleh peneroka bandar ataupun setinggan yang mana ia telah pun diselesaikan, dah beri pampasan, mereka pun telah keluar dan akhirnya yang sepatutnya ia sepatutnya tak ada isu di tanah tersebut tetapi disebabkan pembangunan yang tidak dibuat lagi di kawasan tersebut dan disebabkan tidak ada penjagaan khusus kepada tanah tersebut maka sekarang ini peneroka bandar baru pula timbul, ya. Rumah-rumah yang ditinggalkan itu dimasuki oleh peneroka bandar yang baru, jadi isu itu berulang dan ia menjadi masalah kepada Adun atau kepada saya sendiri untuk menyelesaikan kali kedua isu yang sama di tapak yang sama. Jadi, apakah..soalan saya apakah dasar kerajaan ya, bagi isu-isu peneroka bandar baru ini supaya ia tidak..bagi isu yang saya timbulkan ini supaya tidak wujud, isu peneroka bandar baru? Yang keduanya tentang penguatkuasaan dan juga pemantauan. Saya rasa sudah sampai masanya, Pejabat Tanah di bawah Pengurusan Tanah untuk memantau semua isu-isu yang wujud supaya akhirnya ia dapat dilaksanakan dengan cadangan mungkin menguatkuasakan kepada pemaju-pemaju kalau ia tanah milik pemaju atau pada kerajaan sendiri meletakkan kepungan ataupun *hoarding* ya, untuk memastikan kawasan tersebut tidak masuk. Ini cadangan daripada saya dan kalau tidak ada polisi atau dasar baru saya mohon supaya pihak kerajaan ya, melihat kepada perkara ini dan supaya ia tidak menjadi orang kata, tempat yang sekarang ini dibiarkan begitu sahaja ya. Kadang-kadang jiran-jiran di sebelah tanah tersebut *complaint* kepada pihak ADUN supaya tanah-tanah itu dijaga tetapi bila

berkali-kali kita usahakan ataupun kita nyatakan kepada pihak Pejabat Tanah tetapi, tindakannya tidak diambil. Jadi, tiga perkara tersebut tentang apakah dasar kerajaan, keduanya penguatkuasaan dan ketiganya polisi untuk memastikan tindakan kepada pemaju-pemaju yang tidak jaga kawasan mereka. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Selat Kelang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Saya merujuk kepada Vot B(20) muka surat 134 Butiran 505000 Emolumen RM10,000.00. Semua tahu bahawa Pejabat Daerah dan Tanah Klang perlu menjagakan kawasan yang sangat besar. Ada persisiran pantai, ada hutan, ada setinggan lagi, ada pulau, ada hutan simpanan dan sebagainya. Jadi, persoalan saya kepada kerajaan ialah, adakah pekerja ataupun warga di Pejabat Daerah Klang ini mencukupi dan adakah mereka ini telah diberikan latihan yang mencukupi, peralatan, pengangkutan yang mencukupi supaya mereka boleh melakukan kerja mereka dengan sebaik mungkin. Saya memberikan contoh, di mana mengikutkan tema kita Belanjawan rakyat peduli dan sebagainya, di antara yang saya hadapi di Selat Klang ialah di mana jalan-jalan kampung, di Selat Klang ini di Kampung Delek, di Sungai Udang, di Teluk Gadong bahkan juga di Pulau Ketam dan sebagainya, itu tak teruk sangat tetapi di kampung-kampung tradisi ini. Maknanya ia di bahagian luar bandar. Jalannya sebeginit teruk bagaimana kerajaan nak mengatasi masalah-masalah ini? Ya, kita kata, ia kebanyakannya ia ada di atas tanah lot persendirian, saya membangkitkan ini berulang-ulang, alasan-alasan saya terima sebagai *legal* dan *rational*. Tetapi, persoalan saya bagaimana kita nak mengatasi *once and for all*, dengan izin, masalah-masalah jalan yang perlu dihadapi oleh orang ramai lagi-lagi bila hari hujan, ia seperti berlopak-lopak, jatuh.. pelajar-pelajar jatuh basikal, motosikal *accident*, kereta.. tayar selalu kena tukar dan sebagainya. Pekerja-pekerja juga perlu melalui, sebab di Selat Klang ini dia berhampiran dengan Pelabuhan Klang jadi mereka ini kerja *shift*. Kerja malam, balik pagi dan sebagainya. Jadi, saya nak bertanyakan kepada kerajaan, adakah masalah kita tidak boleh mengatasi ini kerana tidak cukup orang, tidak cukup skil ataupun polisi dan dasar kita, kita bagaimana, adakah kita mampu untuk ini kan balik? Bukan alasan, tapi *come to solution*.

TIMBALAN SPEAKER : Silakan pihak kerajaan, Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Tuan Pengurus. Berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. Seri Andalas masalah di Kg. Sentosa, saya mendapat maklum balas bahawa pengusaha kuil telah pun mengosongkan kuil yang berkenaan dan sekarang ini dalam proses dan tindakan untuk perobohan dan saya bersetuju supaya sebaik sahaja kerja perobohan ini dilakukan, kawasan tersebut mestilah dibersihkan supaya tidak dilihat keadaan yang tidak baik. Yang keduanya, cek yang perlu disegerakan, di peringkat perbendaharaan sekiranya ada

permohonan kelazimannya mengikut SOP yang telah ditetapkan pengeluaran cek ini akan berlaku dalam tempoh satu hingga maksimum dua hari bekerja. Masalah yang timbul ialah dokumentasi di Pejabat Daerah itu harus dikemaskan dan dipercepatkan untuk pengeluaran cek.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Dato' Menteri Besar...

TUAN PENGERUSI : Ya, Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya terkejut bila Menteri Besar kata SOP itu satu dan dua hari bekerja ini. Saya ingat kita ADUN-ADUN di Klang ini, dekat tiga minggu dah sebelum cek dikeluarkan. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ada kes tertentu bagi tau saya dan saya akan pastikan perkara ini tidak berulang tetapi dari segi SOP yang ada di peringkat perbendaharaan maksimum dua hari bekerja. Di peringkat daerah, kita muh pastikan dokumentasi yang dikemukakan itu lengkap dan perlu disegerakan juga pengeluaran cek. Tentang tanah-tanah yang diperlukan tempat ibadat bagi yang bukan Islam, saya akan melihat dan berbincang dengan Jawatankuasa Khas Hal Ehwal Selain Islam untuk memastikan permohonan ini dapat diteliti dan kalau kita lihat pembangunan-pembangunan baru di Selangor memang sudah ada satu garis panduan yang menetapkan keperluan rumah-rumah ibadat yang bukan Islam dan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam ni memang ada perbincangan dan mesyuarat yang secara berkala untuk melihat keperluan yang berkenaan.

Batu Tiga membangkitkan masalah peneroka bandar di Kg. Kenanga yang telah pun mengosongkan tapak tersebut namun oleh kerana tidak ada tindakan selanjutnya yang menyusul selepas itu, maka peneroka-peneroka bandar baru pula sedang berkampung di kawasan yang berkenaan. Sekali lagi perkara ini tidak perlu di...tidak boleh berlaku sekiranya ada penguatkuasaan yang dibuat secara tegas terhadap kawasan-kawasan seperti ini. Seperti yang saya umumkan semalam, oleh kerana kekangan yang berlaku di Pejabat Daerah sebelum ini ialah masalah penguatkuasaan dan keperluan mereka untuk mendapatkan penguat kuasa yang baru kita telah pun memberikan kelulusan sebanyak 115 penguat kuasa untuk diagihkan kepada Pejabat Daerah dan saya percaya perkara ini dapat membantu meringankan bebanan kerja di peringkat daerah dan dapat menyelesaikan sebahagian besar daripada masalah yang berbangkit.

Saya juga ingin respons kepada pemaju-pemaju yang tidak menjaga kawasan yang pastinya akan menimbulkan banyak masalah bukan saja soal pemajuan tanah tersebut tapi juga soal kesihatan, masalah denggi di tapak-tapak dan lokasi pembangunan dan ini akan kita pantau dan saya percaya pihak PBT juga akan turut membantu untuk memastikan pemaju mematuhi garis panduan yang telah

ditetapkan. Saya pohon izin Tuan Pengerusi untuk menjawab tambahan kepada Y.B. Hulu Kelang tadi tentang *lease hold*. Saya baru dapat maklumat daripada Pengarah Tanah dan Galian sebenarnya mengikut Seksyen 76 Kanun Tanah Negara, tanah-tanah *lease hold* ini tidak boleh dinaiktaraf ke *free hold* ataupun pegangan selama-lamanya mengikut Seksyen 76 Kanun Tanah Negara. Ini jawapan yang diberikan dan balik semula kepada Batu Tiga awal tadi ada menyatakan tentang keperluan kenderaan di Petaling. Sebenarnya peruntukan telah pun diluluskan bagi maksud tersebut. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Saya punya apa tak dijawab Tuan Pengerusi.

TUAN PENGERUSI : Selat Klang minta...

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tercicir Selat Klang. Saya akan dapatkan, saya sedang menunggu jawapan, fakta lah untuk berlaku adil kepada Selat Klang saya akan berikan secara bertulis tentang perkara yang dibangkitkan.

TUAN PENGERUSI : Terima kasih. Jadual B.20 – iaitu wang sejumlah RM13,932,796.00 untuk Kepala B.20 Pejabat Daerah dan Tanah Klang menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Yang tak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.21 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, RM11,871,269.00.

TUAN PENGERUSI : Teluk Datuk.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG : Terima kasih Tuan Pengerusi. Teluk Datuk ingin menyentuh muka surat 140, butiran program 505000 – khidmat pengurusan, kod objek sebagai 28000 – penyelenggaraan dan pemberian kecil yang dibeli. Tuan Pengerusi, seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum bahawa bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat ni yang mana Teluk Datuk telah menyentuh bahawa berlaku mendapan dan juga keretakan pada sebahagian bangunan tersebut. Walaupun kerja-kerja telah pun dijalankan dan kerja-kerja baiki telah pun siap tetapi pada tinjauan saya mendapati bahawa masih berlaku lagi mendapan dan keretakan. Jadi, kita sebagai ADUN ni amat sayang kepada Menteri Besar kita jadi kita harus juga sangat sayang kepada pegawai-pegawai kanan dan juga kakitangan kita ataupun penjawat awam di PDT Kuala Langat. Saya rasa Kerajaan Negeri perlu berikan apa ni perhatian yang serius kepada perkara ini. Dan yang kedua, saya ingin mendapatkan penjelasan di muka surat yang sama juga 140, kod objek sebagai

47000 – ganjaran. Apakah yang dimaksudkan dengan RM20,000 yang apa ni, yang dibelanjakan untuk kod objek ini? Sekian, terima kasih.

TUAN PENGERSI : Pihak kerajaan, Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Tuan Pengurus. Saya pohon maklum balas daripada Pejabat Tanah dan saya akan kemukakan kepada Y.B. Teluk Datuk. Pertama, soal mendapan yang masih lagi berlaku di Pejabat Daerah dan seperti yang saya nyatakan semalam memang ada permohonan daripada beberapa jabatan dan agensi kerajaan untuk membina bangunan baru ataupun membaik pulih bangunan-bangunan yang sedia ada. Kita terpaksa tangguhkan oleh kerana keadaan ekonomi yang gawat tetapi dalam beberapa kes seperti ini yang juga akan menimbulkan isu keselamatan dan keselesaan pegawai-pegawai dalam menjalankan tugas akan kita berikan perhatian dan saya akan dapatkan maklum balas tentang kedudukan tanah di Pejabat Daerah Kuala Langat ini dalam masa yang terdekat dan saya akan maklum kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

TUAN PENGERSI : Jadual B.21 – iaitu wang sejumlah RM11,871,269.00 untuk Kepala B.21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.22 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, RM14,130,835.00.

TUAN PENGERSI : Jadual B.22 – iaitu sejumlah wang RM14,130,835.00 untuk Kepada B.22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.23 – Pejabat Daerah dan Tanah Sepang, RM11,173,620.00.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN : Tuan Pengurus.

TUAN PENGERSI : Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN : Terima kasih Tuan Pengurus. Merujuk muka surat 52400, kod 2800. Tuan Pengurus, Sungai Pelek berbangga kerana mempunyai seorang DO dan semua kakitangan yang sedia bekerjasama. Terima kasih

diucapkan. Tuan Pengerusi, di DUN Sungai Pelek sebahagian penduduk, pendapatan penduduk bergantung kepada sumber pertanian iaitu tanaman kontan dan pekebun kecil yang menanam kelapa sawit. Tuan Pengerusi, jalan-jalan di kebun di Sungai Pelek sudah sekian lama tidak dinaiktaraf sehingga tanaman buah kelapa sawit dan hasil pertanian tidak dapat dibawa keluar semasa musim hujan menyebabkan kerugian nilai wang kepada pekebun-pekebun dan petani-petani. Tuan Pengerusi, memandang peruntukan yang turun di DUN Sungai Pelek hanya RM11 juta saja, harap pihak kerajaan dapat menambah peruntukan kepada Pejabat Daerah Sepang untuk membaiki jalan-jalan di kebun-kebun. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Pengerusi.

TUAN PENGERSI : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Terima kasih Pengerusi diberi peluang untuk berbahas di petang. Merujuk kepada muka surat 151, butiran aktiviti 52500, kod objek 290000. Ada beberapa perkara yang ingin saya utarakan dalam perbahasan kali ini. Pertama, mengenai premis barang-barang lusuh yang terdapat bertaburan ataupun di beberapa lokasi yang menyakitkan mata memandang sakit yang perlu diuruskan dengan lebih baik. Saya lebih spesifik ada satu aduan di Kampung Sungai Buah, Mukim Dengkil di sana ada pembuangan sampah ataupun barang-barang lusuh hasil daripada mereka ini apabila telah pun membersihkan di premis yang saya tak pasti sama ada haram ataupun halal. Barang-barang tersebut dibuang di..ataupun ditempatkan berhampiran dengan sungai iaitu Sungai Langat secara spesifiknya. Maka, saya ingin mengharapkan supaya Pejabat Tanah mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah ini. Kemudian yang keduanya, saya juga ucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah pun berjaya nak menyelesaikan masalah pemilikan tanah yang berlaku ataupun yang telah dihadapi oleh masyarakat kampung khususnya di Lot 5054 sejak 50 tahun lebih tak dapat selesaikan. *Alhamdulillah* pada Pakatan Rakyat memerintah Negeri Selangor telah pun menyelesaikan masalah ini dan hari ini telah pun, telah pun apa...menerima, apa ni, hak milik tanah tersebut seramai 15 orang. Sebab itu saya mengharapkan dalam Dewan yang mulia ini supaya Menteri Besar bolehlah mengambil nota ini untuk mungkin menyampaikan sijil hak milik itu kepada penduduk yang terbabit. Terima kasih.

TUAN PENGERSI : Wakil kerajaan, Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pohon izin kembali ke Kuala Langat sikit boleh? Sedikit je penjelasan kepada Yang Berhormat daripada Teluk Datuk tadi tentang keadaan Pejabat Daerah di Kuala Langat. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah pun meluluskan RM3 juta kepada JKR untuk membaiki keadaan tanah mendaran tersebut. Berbalik kepada Daerah Sepang, Y.B. Sungai Pelek ada membangkitkan

keperluan penyelenggaraan jalan di Sungai Pelek. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui UPEN sedang meneliti permohonan tambahan bagi jalan Tanjung Sepat ke Kg. Sungai Buah dan...

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN : Bukan. Kebun di Sungai Belangkan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ooh sungai lain ya. Ok. Tak pe kita akan tengok yang kita sedang teliti sekarang ni Sg. Buah, yang ni Sungai Belangkan?

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN : Belangkan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Belangkan. Ok. Saya akan ambil maklumat itu. Tak pe, kita reserve kita banyak. Kita akan bantu kawasan-kawasan yang berkenaan. Berkenaan Tanjung Sepat ada masalah aktiviti pembuangan sampah haram. Ini saya, Yang Berhormat sedia maklum saya sendiri telah turun dan saya amat kesal aktiviti ini terus berlaku. Bukan saja di Daerah Sepang, juga beberapa daerah yang lain dan seperti yang saya tegaskan tadi kita tidak akan kompromi dan saya telah maklum pada Pegawai Daerah Sepang supaya perkara ini dipantau secara berkala dan tindakan keras harus diambil supaya aktiviti ini dapat dihentikan dan tidak berulang di masa akan datang. Tentang apa ni, penyerahan sijil hak milik ini *Insya-Allah* kita akan tetapkan satu tarikh dalam masa terdekat untuk saya bersama-sama dengan penduduk kampung bagi meraikan mereka di kampung tersebut. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Jadual B.23 – iaitu wang sejumlah RM11,173,620.00 untuk Kepada B.23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

Minta maaf Setiausaha Dewan, Dewan bersidang semula.

Ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan jam 12.00 tengah hari, saya tangguhkan sidang sehingga jam 3.00 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang, Dewan bersidang semula. Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.24 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor, RM12,162,098.00 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Satu Ratus Enam Puluh Dua Ribu Dan Sembilan Puluh Lapan).

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih, Tuan Speaker. Ijok ingin menyentuh tentang peruntukan Vot 2900 muka surat 154. Terlebih dahulu Ijok mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Besar dan juga Kerajaan Selangor untuk menyiapkan jalan masalah iaitu dari Bestari Jaya ke Ijok dan juga Jalan Saga tetapi sekarang jalan itu amat cantik tetapi yang jadi masalah sekarang tentang penjagaan jalan yang saya rasa akan rosak balik oleh sebab kenderaan-kenderaan yang berat jadi saya harap Pejabat Daerah memberi peruntukan untuk memantau jalan-jalan yang telah siap supaya jangan rosak dan mengakibatkan kemalangan dan maut di jalan itu. Nombor dua saya haraplah peruntukan untuk kaji jalan dari Penjara Sungai Buloh ke Ijok jalan yang banyak bengkok-bengkok yang telah meragut banyak nyawa dari pengguna jalan. Nombor dua saya nak sentuh tentang peneroka ataupun orang yang telah duduk atas tanah-tanah kerajaan yang kalau ikut sejarah dah bertahun-tahun 30 tahun, 40 tahun masih juga tidak diselesaikan seperti di Kampung Seri Sentosa, Kampung Seri Aman, Kampung Kereta api, Kampung Sungai Darah dan lain-lain. Jadi saya dapati kadang-kadang masalah tanah-tanah itu tidak diukur jadi pemberian tanah telah tergenda dan saya harap Kerajaan Negeri Selangor mencepatkan, mengenal pasti tanah-tanah ini diberi kepada peneroka-peneroka atau telah meneroka di situ sampai ke anak cucu sekarang pun masih tidak dapat tanah. Yang ketiga untuk peruntukan ini yang telah dibangkitkan oleh YB Seri Andalas iaitu masa ditetapkan untuk memberi bayaran yang kadang-kadang sampai tiga empat, minggu kadang-kadang persepsi ialah orang-orang yang telah menggunakan duit dulu ataupun pejabat telah berjanji akan membayar bayaran-bayaran yang tertentu mereka kadang-kadang datang ke pejabat tanya kenapa bayaran lambat macam kitalah yang melambatkan. Di pejabat daerah kadang-kadang dah dua tiga kali pegawai kewangan telah bertukar, DO pun telah bertukar ini telah melambatkan bayaran dan memberikan persepsi yang tak berapa baiklah kepada Kerajaan Negeri dan juga Pejabat ADUN. Yang akhir sekali, saya nak menyentuh tentang pengurusan sampah. Di PBT di Kuala Selangor, di Pekan Ijok, taman-taman pengurusan sampah di bawah PBT tetapi banyak kali barangkali masalah sampah di kampung-kampung ini satu masalah yang besar. Kadang-kadang mereka tak tahu bagaimana nak mengurus sampah jadi saya haraplah

jangan kita Kerajaan kita macam tak ambil tahu tentang masalah pengurusan sampah di kampung-kampung sebab mereka pun rakyat Ijok, warga Ijok mereka pun berhak untuk mendapatkan keadaan yang bersih walaupun mereka tidak bayar cukai di PBT. Jadi kita kena buat satu mekanisme bagaimana nak mengurus kampung-kampung tradisi iaitu pengurusan sampah dan juga jalan-jalan. Sekian.

TUAN SPEAKER : Pihak Kerajaan, Bukit Antarabangsa.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Tuan Pengerusi. Respons secara spontan kepada Yang Berhormat Ijok tentang beberapa perkara yang dibangkitkan. Pertama berhubung Jalan Saga dan Jalan Penjara yang telah dikatakan telah siap namun pemantauan harus dilakukan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kedua-dua jalan ini Jalan Saga dan Jalan Penjara adalah di bawah penyeliaan JKR walau bagaimanapun kita akan bekerjasama dengan JKR untuk memantau penyelenggaraan jalan-jalan tersebut. Saya percaya antara perkara yang dibangkitkan adalah masalah laluan oleh lori-lori pasir haram ini yang menyebabkan jalan-jalan tersebut rosak maka saya akan minta pihak Pejabat Daerah untuk memantau pergerakan lori-lori haram ini supaya tidak merosakkan jalan tersebut dan saya percaya dengan penguatkuasaan yang telah ditambah baik di pejabat-pejabat daerah, perkara ini boleh ditangani. Yang keduanya masalah tanah-tanah yang masih belum diberi pemilikan kepada penduduk-penduduk yang terlibat saya dimaklumkan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor telah pun menghubungi pihak JUPEM untuk mengukur tanah-tanah tersebut dan seperti biasa masalah yang kita timbul ialah tidak ada jumlah juruukur yang mencukupi dan ada kes-kes tertentu kita terpaksa melantik juruukur bebas yang bertauliah untuk membantu Pejabat Daerah dan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini dengan segera. Jadi saya akan meminta penjelasan daripada Pejabat Daerah Kuala Selangor sekiranya ada keperluan untuk lantikan juruukur bebas yang bertauliah kia akan membantu proses yang berkenaan. Berhubung pembayaran juga yang dikatakan lewat makluman yang saya terima ialah pada ketika itu puncanya ialah pertukaran pegawai dan kekurangan kakitangan tapi masalah itu telah pun di atasi untuk tidak berlaku lagi kelewatan. Masalah sampah memang isu yang besar yang kita hadapi sekarang dan Majlis Daerah Kuala Selangor membantu untuk mengutip sampah mengikut jadual yang ditetapkan dan saya memang memberikan tumpuan khas kepada masalah pengutipan sampah ini kerana kita mahu Negeri Selangor ini negeri yang bersih tetapi ianya mestilah diterjemahkan untuk tindakan untuk semua di peringkat Negeri dan juga di peringkat PBT. Terima kasih di atas maklum balas Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Jadual B.24 iaitu wang sejumlah RM12,162,098.00 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Satu Ratus Enam Puluh Dua Ribu Dan Sembilan Puluh Lapan) untuk Kepala B.24 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya.

AHLI-AHLI DEWAN : Ya.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.25 - Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor, RM12,614,614.00 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Enam Ratus Empat Belas Ribu dan Enam Ratus Empat Belas).

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 158 butiran 505000 Khidmat Pengurusan Kod 29000, perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain-lain yang dibeli dan hospitaliti dan saya minta penjelasan sama ada sebahagian daripada peruntukan tersebut digunakan untuk melantik syarikat yang mempunyai kepakaran yang boleh menyelesaikan isu tanah dengan Kerajaan Pusat, hal inilah. Ini adalah sangat penting Hulu Selangor mempunyai banyak bangunan yang dibina sebelum merdeka. Bangunan tersebut ada yang sedang dipakai guna oleh agensi Kerajaan Negeri. Sebelum 2008 ia tidak merupakan satu isu kerana Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah orang yang sama memerintahnya. Sekarang ia menjadi satu isu terutamanya JKPTG memohon hak miliknya. Ini telah menyebabkan permohonan agensi Kerajaan Negeri untuk memperbaiki atau menaik taraf bangunan tersebut akan ditolak oleh UPEN kerana dia adalah bangunan Persekutuan. Contoh kes macam ini berlaku pada Perpustakaan Desa Kerling yang mana saya cerita sikit. Sebelum perpustakaan ini sebab bangunan ini digunakan sebagai perpustakaan di adalah balai raya dan dibina sebelum merdeka. Saya sendiri meninjau bangunan tersebut di mana lantainya adalah kayu dan bawahnya kosong macam rumah Melayu. Sekarang JKPTG memohon dia menjadi hak milik dan kita perpustakaan itu kita nak perbaiki sebab lantainya kayukan dah berpuluhan tahun digunakan untuk buku dah goyanglah dan tandas pun sangat buruk tapi dia menghadapi masalah kerana isu tanah. Ada pula bangunan yang dibina sebelum merdeka itu mempunyai nilai sejarah seperti balai bomba lama di Kuala Kubu Baharu. Dia terbiar sejak tahun 2006 kerana pihak JKR mendapati bangunan tersebut tidak sesuai diduduki. Sembilan tahun sudah berlalu tetapi pihak bomba tidak mampu memperuntukkan satu sen untuk penyelenggaraannya. Alangkah baiknya kalau Kerajaan Negeri boleh melantik satu syarikat yang mempunyai kepakaran boleh kita dapat memiliki tanah itu dan membangunkannya sebagai Muzium Hulu Selangor pun boleh atau lain-lain tujuan. Memandangkan Kuala Selangor sudah ada muzium tapi Hulu Selangor belum ada muzium lagi. Tuan Pengerusi saya juga akan menyentuh Kod 28000 iaitu penyelenggaraan dan pemberian kerja yang diberi. Saya rasa peruntukan itu kecil sangatlah kena tambah sikit sebab saya dapati rumah DO dah lama terbiar dan beberapa DO pun tidak pernah tinggal di sana saya harap rumah DO itu yang

mempunyai nilai sejarah boleh mendapat peruntukan untuk memperbaikinya. Itu sahaja, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pihak Kerajaan. Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD : Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu. Tadi Yang Berhormat membangkitkan tentang perpustakaan Kerling ke di mana? Ok, pihak pentadbiran akan melihat kepada perkara yang dibangkitkan tersebut untuk tindakan lanjut.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Sebagai maklumat tambahan daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat EXCO tadi, Perpustakaan Desa Kerling ini dia dibina atas tanah kerajaan dan sekarang ini sedang dalam proses permohonan daripada JKPTG untuk pembangunan perpustakaan awam dan proses ini akan disegerakan oleh Kerajaan Negeri tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ada berkaitan rumah DO itu jawab secara bertulis ya. Jadual B.25 iaitu wang sejumlah RM12,614,614.00 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Enam Ratus Empat Belas Ribu Dan Enam Ratus Empat Belas) untuk Kepala B.25 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya.

AHLI-AHLI DEWAN : Ya.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.26 - Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam, RM12,939,670.00 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Sembilan Ratus Tiga Puluh Sembilan Ribu Dan Enam Ratus Tujuh Puluh).

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Pengurus, saya ingin menarik perhatian Dewan dalam perbahasan B.26 mengenai Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam 52400 1100 dengan gaji dan upahan. Kita sedia maklum bahawa antara Pejabat Daerah Tanah ini antara pejabat daerah yang banyak telah menyelesaikan isu-isu tanah yang tertunggak sejak tahun 2008 yang lalu, ya saya nak ucapkan terima kasihlah kepada Tuan Pegawai Daerah dan juga pegawai-pegawai yang telah membantu di seluruh khususnya DUN Sekinchan hampir 85% isu-isu tanah yang tertunggak pada tahun 2008 sebelum 2008 telah berjaya diselesaikan yang paling utamanya kes tentang Lorong 1 hingga Lorong 5, Bagan

Sekinchan telah diselesaikan dan lebih kurang 185 keluarga telah memperoleh hak milik tanah. Ini satu kejayaan. Tahniah dan syabas diucapkan. Kemudiannya Lorong 6 hingga Lorong 12 telah dalam proses kerana ia melibatkan pertukaran tanah rizab Melayu di Lorong 6 hingga Lorong 12 ditukar kepada Sungai Tengah. Segala proses perwartaan, pembatalan sebagainya telah siap, sekarang proses untuk mengukur tanah. Ini juga salah satu kejayaan yang paling besar, saya yakin di seluruh Sabak Bernam. Dan seterusnya saya ingin menyatakan.....

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Boleh mencelah.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Sebab saya dengar tadi, tanah di Sekinchan ditukar kepada tanah Sungai Tengah, di DUN Sungai Air Tawar. Ingin penjelasan.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih. Ini sudah diluluskan sejak 2011. Ini tanah bersangkut-paut dengan rizab Melayu di Bagan Sekinchan, Lorong 6 hingga Lorong 12. Ini di mana kronologinya, sejarahnya sudah lebih 50 tahun penduduk, lebih kurang 200 keluarga duduk di situ. Tak tahu apa masalah sebelum ini, sebelum waktu merdeka dan selepas itu. Kenapa waktu itu, tanah itu boleh dijadikan rizab Melayu. Itu kita pun tak tahu. Tapi oleh kerana keprihatinan Kerajaan Negeri kita telah mengambil sikap ‘menang-menang’. Ambil pendekatan ‘menang-menang’. Pada 2011 EXCO MMKN meluluskan bahawa tanah tersebut telah ditukar, keluasan yang sama, nilai yang sama di Sungai Tengah, Sungai Panjang ditukar. Maknanya rizab sana tanah Kerajaan di Sungai Tengah dijadikan rizab Melayu dan di sini ditukar tidak rizab Melayu. Ini dia, tak ada satu inci pun rizab Melayu hilang.

Saya tahu, saya takut Sungai Air Tawar mereka nak sensasi. Cuba nak cari peluang seperti apa yang saya ucapkan dalam sidang Dewan semalam. Pihak pembangkang telah memutar belit atau pun menyalah tafsir apa saya cakap tentang Bagan Nakhoda Omar sehingga keluar surat khabar. Seluruhnya menyatakan Cina DAP *racist*, nak rampas tanah Melayu, nak tukar nama, macam-macam. Semalam saya hanya gurauan di situ sebab dia menyerupai macam Noh Omar. Itu sahaja. Tapi itu tidak niat saya. Jadi kalau ada tersalah di sini, minta Permatang perbetulkan. Jangan dijadikan itu sensasi untuk mengapi-apikan orang Melayu. Kononnya DAP *racist*, Cina Sekinchan *racist* dan hari ini nak buat demonstrasi di Sungai Air Tawar dan kemudian nak buat di Sekinchan. Ini nak jadi baju merah dah.

TUAN SPEAKER : Sekinchan masuk tajuk balik, masuk tajuk balik.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya, saya masuk balik. Saya tak bagi laluan.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Saya pun tegur dalam Dewan juga, bukan luar Dewan.

TUAN SPEAKER : Sekinchan masuk balik.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini tak ada. Ini tak bagi. Jadi saya nak perbetulkan ini masalahnya macam mereka cuba nak cari peluang. Jadi tak apa, sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab khususnya di Dewan yang mulia yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat, Dato' Menteri Besar. Kita tak ada masalah dengan ini kerana kita cukup bertanggungjawab. Kita nak membantu rakyat, bukan menyusahkan rakyat. Kita akan pertahankan tanah rizab Melayu. Saya diberitahu oleh Yang Amat Berhormat, Dato' Menteri Besar rizab tanah Melayu di Negeri Selangor kita lebihkan, tak ada kurang. Tapi di negeri-negeri lain ditadbir oleh UMNO hilang rizab Melayu tapi dia nak jadi jaguh di Negeri Selangor. Tak tahu malu!

Saya nak teruskan. Di sini saya nak nyatakan tentang soal jeti. Jeti, malu kita nak tutup mukalah. Kalau saya Sekinchan saya dah jual tanah Melayu, saya tutup muka, saya tak berani jumpa orang tapi ini masih lagi.....

TUAN SPEAKER : Masuk jeti, jeti.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya masuk jetilah. Cukuplah ya, saya masuk jeti. Jeti pengumpulan ikan yang hari itu saya dapat jawapan itu belum cukup nyata di bawah Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam di mana kita tengah cari satu tempat untuk pengumpulan ikan. Sekarang ada dua, tiga cadangan. Tapi saya lebih ada cadangan daripada pihak pejabat saya telah dipanjangkan kepada Tuan DO. Saya minta Yang Amat Berhormat, Dato' Menteri Besar boleh bantu dalam perkara ini ya sebab kita perlu sebab jeti pengumpulan ikan yang lama ini berada di tepi rizab JPS. Oleh kerana Sekinchan telah bangun sebagai satu destinasi pelancongan yang popular, terlalu banyak kenderaan melalui jalan besar tersebut, jadi ia tak sesuai menghalang lalu lintas. Saya harap pihak DO kena cepat ada kertas kerja kena sampai ke MMKN atau pun MTES untuk diputuskan. Kalau tidak benda ni tak selesai, itu satu.

Yang kedua, tentang Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam juga. Saya ingin membangkitkan tentang sekeping tanah di Site A, Sekinchan, Site A. Lebih kurang 2 ekar tak sampai 3 ekarlah. Kita dah minta lama untuk pembesaran kampung di Site A, Sekinchan. Di situ terdapat 165 keluarga dan ada sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Saban tahun kebelakangan ini, muridnya semakin merudum. Kerana apa? Ramai anak muda yang mendirikan rumah tangga terpaksa pindah keluar. Tak ada tempat untuk dirikan rumah, tak ada rumah untuk mereka beli, mereka terpaksa pindah. Ada sekeping tanah di situ dalam 3 ekar tak sampailah. Kita minta Kerajaan boleh percepatkan minta pihak Pejabat Tanah percepatkan buat

satu kertas cadangan untuk pembesaran kampung di situ. Kekurangan rumah, rakyat terdesak di situ nak beli rumah. Duit dah simpan dah, nak beli sahaja, nak kena bina rumah di situ. Jadi saya minta pihak Yang Amat Berhormat, Dato' Menteri Besar segerakan supaya kita dapat menyelesaikan masalah rakyat di Sekinchan melalui Pejabat Tanah dan Daerah. Dan saya ucapkan terima kasihlah. Kita nak tunjukkan kepedulian yang tinggi kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Terima kasih, Timbalan Speaker di atas peluang yang diberi pada hari ini. Untuk makluman, walaupun gurauan yang telah dibuat oleh Y.B. Sekinchan semalam mengenai tanah rizab Melayu pekan. Nampaknya hari ini telah menjadi isu di Sungai Air Tawar. Kenapa ADUN Sekinchan boleh mengacau tanah-tanah rizab Melayu di DUN Sungai Air Tawar. Untuk maklumanlah, perkara ini telah pun diajukan oleh.....

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sungai Air Tawar kita berbincang pasal Pembekalan di sini.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Itu ulasanlah tadi pasal dia sebut itu, saya kena ulaslah. Selain daripada itu, kita harap jangan diusik-usik lagi sebab mantan Menteri Besar dah sebutkan.....

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Tuan Timbalan Speaker?

TUAN SPEAKER : Tak payah ulas. Tak payah ulas. Teruskan perbahasan tentang Pembekalan.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Saya nak jelaskan supaya jangan diungkit-ungkit lagi di tahun-tahun yang depan, membuang masa. Saya harap itulah, bekas mantan Menteri Besar pun tak boleh sebab ia tanah rizab Melayu pekan. Untuk makluman, Dato' Menteri Besar.

TUAN SPEAKER : Ya, Sungai Air Tawar cukup situ. Cukup.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Mengenai dengan 3600 (Binatang, Pokok dan Benih). Kita sedia maklum bahawa PKPS telah pun meneroka tanah yang luas di Sungai Tengah dan juga di Parit Baruh-Baruh dan kita lihat banyak pokok-pokok ditebang. Akhirnya baru-baru ini tanah rebah, air sungai masuk. Kalau tak percaya, Y.B. Sabak pun datang dan kita masuk Sinar sebagai bukti. Saya harap penebangan pokok ini harus dikurangkan lebih-lebih lagi di DUN Sungai Air Tawar yang memang tanah-tanah rizab Melayu itu kepunyaan PKPS sekarang ini.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Minta celah.

TUAN SPEAKER : Teratai minta penjelasan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Ya, Yang Berhormat sepatutnya rujuk muka surat, kod yang mana? Ini ialah perbahasan.....muka surat?

TUAN SPEAKER : Ya, Teratai. Dia sebut tadi.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Saya dah sebut tadi 3600. Janganlah asyik kacau orang nak berucap. Baru pertama kali inilah nak bangun ha.

TUAN SPEAKER : Ya, teruskan Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Ok, seterusnya muka surat 162, 2800 (Penyelenggaraan dan Pembinaan Kecil). Kita sedia maklum bahawa untuk tahun lepas, pembinaan Balai Raya-Balai Raya ini ialah kosong. Kita ada *hansard* yang kita baca dan diharapkan pada tahun 2016 ini diperuntukkanlah untuk Balai Raya-Balai Raya ini untuk diluluskan untuk masyarakat setempat. Saya berharap Yang Berhormat, Dato' Menteri Besar maklum akan perkara ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Saya nak mengambil bahagian terutama merujuk perkara 50000 (Khidmat Nasihat), 28000 (Penyelenggaraan dan Pembinaan Kecil) dalam muka surat 162. Di DUN Sungai Panjang ini, jalan daripada DUN Sungai Panjang untuk berhubung ke daerah Hulu Selangor ada satu jalan sahaja iaitu jalan daripada Simpang Tiga, Loji kemudian melalui Rancangan Tanah Belia 1, Rancangan Tanah Belia 2 sampailah kepada kawasan Sungai Tengi. Walaupun beberapa kali sidang DUN telah dibangkitkan perkara ini dan beberapa kali juga penambahbaikan kepada jalan telah dilakukan tetapi nampak gaya penambahbaikan penyelenggaraan itu kadangkala hanya baik dalam tempoh satu atau dua bulan semata-mata. Mungkin ini ada kaitan. Inilah satu-satunya jalan yang menghubungkan daripada DUN Sungai Panjang itu di daerah Sabak Bernam ke daerah Hulu Selangor. Saya minta perkara ini diambil perhatian khusus kerana isu satu jalan ini kerap kali, acap kali menjadi suatu perkara yang selalu ditimbulkan apabila berjumpa di peringkat bawah. Terutama juga satu jalan yang menghubungkan daripada daerah DUN Sungai Panjang ke DUN Sabak. Terutama yang melalui Jalan Bagan Terap daripada Parit 13 itu. Saya fikir itu hanyalah satu-satunya jalan sedia ada yang menghubungkan dan jalan-jalan ini bukanlah jalan Persekutuan dan saya ingat jalan ini dikawal selia oleh pihak JKR. Jadi saya kira

tolong lihat perhatian ini kerana inilah satu-satunya jalan yang menghubungkan, kadang-kadang membawa anak sekolah dan juga sebagainya.

Saya nak merujuk juga perkara ini berkaitan isu kaunter yang disebut kaunter bergerak. Kaunter bergerak ini kalaularah boleh kerana daripada satu radius di daerah Sabak Bernam itu kalau yang paling hujung kawasan Sungai Air Tawar, di sebelahnya Sabak. Kemudian kalau daripada DUN Sungai Panjang itu kalau dari Pekan Sungai Air Tawar membawa ke Belia 2 itu kadang-kadang mengambil radius perjalanan dalam 1 jam lebih. Dalam keadaan trafik yang begitu. Kalaularah boleh di kawasan-kawasan yang bersempadan dengan daerah Hulu Selangor itu dibuat satu kaunter bergerak supaya ini dapatlah memudahkan rakyat di peringkat bawahan menjalankan apa-apa urusan yang mereka laksanakan dengan pihak Pejabat Daerah.

Juga saya merujuk kepada isu yang ketiga iaitu tentang begitu banyaknya anjing-anjing liar. Ada ditubuhkan sebuah skuad khas tetapi kadang-kadang apa yang kita dapati di peringkat bawahan ini adalah dari segi kemahiran mereka. Kadang-kadang anjing-anjing liar yang ada ini, skuad-skuad khas ini kadang-kadang terlalu banyak anjing-anjing liar ini. Kadang-kadang daripada segi latihan dan juga anjing-anjing liar ini kerap kali berada di bahagian taman. Di kawasan DUN Sungai Panjang sebagai contohnya, kita ada hampir lebih kurang 30 taman perumahan. Jadi taman-taman perumahan ini dengan isu anjing liar, dengan isu soal sampah, dengan isu soal pemotongan rumput. Jadi saya fikir Kerajaan Negeri, saya minta pohon perkara ini diberi perhatian yang khusus. Saya fikir itu sahaja. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Terakhir, Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Terima kasih, Tuan Pengurus. Saya nak bangkitkan sedikit sahaja. Dalam DUN Sabak ini antara DUN yang menempatkan kawasan PPRT yang paling banyaklah dalam dunia saya rasa, dalam DUN Sabak. Sampai hari ini, tanah-tanah yang diduduki oleh PPRT masih lagi berstatus sementara, setinggan dan tanah-tanah itu adalah rizab parit milik JPS. Jadi sampai hari ini, mereka tetap dalam kerunsingan kerana tanah itu masih belum jadi milik. Jadi apakah sebenarnya status masa depan mereka yang duduk di situ? Jadi apakah Kerajaan akan menyediakan satu tanah yang lain untuk dipindahkan? Kalau mereka tetap terus duduk di situ, apakah kita tidak boleh memberikan kepada mereka status yang jelas terhadap tanah yang mereka duduki? Ini PPRT yang telah diwujudkan sekian lama. Sepatutnya ketika memberikan rumah kepada mereka dulu diberikan status tanah yang jelas supaya mereka tenang dalam menduduki tanah mereka. Ada dua, tiga tempat. Satunya ialah di PPRT Parit 9 termasuk juga di Desa Kasih di Batu 1, Sabak. Yang hari itu Yang Amat Berhormat datang ketika banjir tempoh hari. Itu juga masih belum selesai sampai hari ini tentang status tanah yang mereka duduki. Jadi yang ini kita harap Kerajaan Negeri dapat bantu.

Begitu juga saya juga nak membangkitkan soal, rungutan masyarakat kampung tentang lembu-lembu yang berkeliaran yang setakat ini saya fikir sudah ramai juga mangsa-mangsa kemalangan yang ada juga dah meninggal dunia disebabkan lembu-lembu yang berkeliaran. Saya pun tak pasti sama ada penggajian, atau pun kita kekurangan wang untuk kita memberikan atau pun membayar kepada Pegawai-pegawai untuk mereka menguatkuasakan undang-undang, peraturan yang telah sedia ada sehingga sampai hari ini semacam tidak ada satu penyelesaian, seolah macam lembu-lembu liar yang banyak berkeliaran ini. Jadi yang ini yang saya nak timbulkan sebab dalam Mesyuarat Tindakan Daerah yang saya hadir pun Majlis Daerah ada kekangan untuk menghantar pegawai-pegawai mereka dan bila kita timbulkan berkenaan denda yang dikenakan kepada mereka. Mereka didenda dalam RM1,000.00, selepas itu mereka boleh ambil lembu dan apakah kita perlomeninjau soal denda yang kena kuatkuasakan yang jauh lebih besar daripada itu supaya masyarakat kampung yang menternak lembu dia boleh menjaga ternakan mereka dan yang ketiga begitu juga saya nak membangkitkan soal jalan yang tahun lepas yang awal tahun kita telah luluskan Jalan Parit 4 yang telah diluluskan untuk diturap untuk di tar, jalan itu sebenarnya sejak daripada alam ini wujud tak pernah di tar lagi. Sejak daripada alam ini wujud. Jadi telah diluluskan tetapi sampai sekarang masih belum dan saya difahamkan katanya sama ada tukar kepada pemaju tukar kepada yang lain ataupun jadi masyarakat kampung bertanya kepada saya . Jadi saya nak satu jawapan yang agak jelas kalau tukar pemaju bila nak memulakan kerja dan sebagainya. Jadi ini yang kita harap dapat menggembirakan masyarakat di Parit 4. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila pihak Kerajaan. Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Pengerusi saya ingin memberi sedikit pandangan tentang apa yang dibangkitkan oleh Sungai Panjang tentang anjing liar di kawasan, anjing liar ya di kawasan tersebut dan untuk makluman Y.B., Kerajaan Negeri telah memberi satu arahan kepada Majlis Daerah Sabak Bernam dan juga Majlis Daerah Hulu Selangor ya kerana untuk bergiat lagi tentang isu penangkapan anjing di dua majlis tersebut kerana kita nak mengawal dari segi menghalang ya kalau jikalau isu penyakit anjing gila ia merebak daripada utara ke selatan. Dua daerah ini merupakan sempadan di antara Perak dengan Selangor. Jadi kita nak mengawal dan arahan telah diberikan kepada mereka untuk menggiat lagi aktiviti dan operasi untuk penangkapan anjing liar di kawasan tersebut.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Boleh ada celahan ya.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Ok. Boleh kita dapatkan sedikit penjelasan. Anjing liar ini akhirnya ditangkap atau dilepaskan semula ataupun bagaimana?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Ya. Untuk cara kita sekarang adalah SOP kita akan tangkap dan dilupuskan tak dilepaskan, tak ada yang dilepaskan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Maksud lopus itu? Maksud lopus itu tangkap kemudian lopuskan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Dimatikan dengan cara yang ditetapkan oleh Kementerian.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Ok, Sabak gelak.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Berikutnya ada Kerajaan. Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, Tuan Pengurus apabila Vot Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam ini di bentang untuk perbahasan, saya lihat ramai Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bangkit memberikan pandangan dalam perbahasan ini menunjukkan Kerajaan Negeri perlu memberikan perhatian yang lebih di Daerah-Daerah Sabak Bernam dan inilah sedang berlaku sekarang pun dalam Belanjawan 2016 kita melihat tumpuan yang agak besar kepada pembangunan di desa dan di bandar kerana kita mahu pembangunan yang rancak di Negeri Selangor ini tidak tertumpu hanya di Shah Alam, Klang dan Petaling Jaya sahaja. Ia nya mesti di bawa ke kawasan luar bandar supayanya pengambilan itu lebih adil dan saksama. Sebab itu apabila Y.B. Sabak dalam perbahasan menyatakan keperluan kedai-kedai PLB ini dibangunkan semula menjadi kedai *Smart* Selangor saya telah pun mengarahkan Pejabat Daerah Sabak Bernam untuk segera membangunkan kedai-kedai *Smart* Selangor bermula di DUN Sabak dalam awal tahun 2016, tetapi ada perkara-perkara lain yang belum selesai seperti Pusat Pengumpulan Ikan di Sekinchan ini. Saya sendiri telah turun dan saya melihat sendiri ada keperluan pembangunan baru kerana kedudukan Pusat Pengumpulan Ikan ini terletak di tepi jalan besar dan amat sesak dan keadaannya amat uzur dan tidak sesuai. Walau bagaimanapun, tanah yang dicadangkan oleh Y.B. ia nya adalah tanah rizab Melayu. Maka saya telah meminta supaya Pegawai Daerah Sabak Bernam mencari satu tapak yang lebih sesuai dan strategik dan antara cadangan yang telah dikemukakan ialah satu tapak yang berdekatan dengan jeti ikan Sekinchan, jadi bila ikan dinaikkan dan dikumpulkan di satu kawasan yang sesuai dengan pembangunan baru ini dan ini sedang diteliti oleh Kerajaan Negeri dan saya mahu perkara ini disegerakan kerana saya tidak mahu lawatan terjah dan kerja turun ke bawah itu hanya selesai di situ tapi tak di terjemahkan dalam bentuk tindakan. Saya memberi jaminan kepada Y.B. Sekinchan perkara ini akan disegerakan untuk kepentingan nelayan-nelayan di Sekinchan. Manakala, Sungai Panjang membangkitkan tentang penambahbaikan jalan Sabak Bernam dan ini satu-satunya jalan sampai ke Hulu Selangor. Perkara ini sebenarnya dalam tindakan pihak Kerajaan Negeri bersama JKR kita mahu peruntukan yang ada ini juga digunakan bagi tujuan yang dimaksudkan oleh Y.B. tadi dan saya berharap pihak Negeri dan

JKR dapat menyegerakan perkara ini dan saya perlu melaporkan semula kepada Y.B. tentang perkembangan kemajuan pembangunan dan tindakan yang telah dan akan diambil. Tentang kaunter bergerak ini memang itulah hasrat Kerajaan Negeri, kita sedar bahawa penduduk-penduduk di kawasan pedalaman amat sukar untuk bergerak ke Pejabat Daerah ataupun Pusat Pembayaran Cukai ini kerana lokasi yang jauh Y.B. sebut ada yang sehingga lebih satu jam dan mereka juga mereka mungkin mempunyai akses kepada Internet untuk membayar secara *Online* namun Kerajaan Negeri sedang memajukan *wifi* Smart Selangor ini supaya ia nya dapat dinikmati oleh kawasan luar bandar tetapi untuk meningkatkan lagi sistem perkhidmatan kita telah menyediakan 9 kaunter bergerak dan saya harap Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam dapat menghayati permintaan Y.B. dari Sungai Panjang untuk kaunter bergerak ini sampai ke lokasi yang amat diperlukan untuk mengelakkan penduduk kampung bergerak begitu jauh untuk membayar cukai. Berhubung dengan tanah-tanah PPRT ini yang masih lagi statusnya tidak selesai, inilah masalah Kerajaan dulu-dulu ini ya bila dibina tidak dirancang sebegitu rupa sebab tanah-tanah rizab Kerajaan tidak boleh diberi hakmilik itu dasar yang sedia ada. Tetapi oleh kerana mereka ini telah duduk sekian lama di atas tanah-tanah berkenaan yang menyebabkan hari ini Pentadbiran menghadapi masalah yang sukar kerana tanah-tanah ini mungkin tanah rizab jalan, tanah rizab JPS dan sekiranya kita memberikan hakmilik, ini akan menimbulkan masalah dijangka akan datang. Walau bagaimanapun, oleh sebab sekali lagi tempat ini pun saya telah turun saya lihat sendiri bagaimana prihatinnya Y.B. Sabak terhadap masa depan penduduk ini kita harap Pejabat Daerah dapat membantu Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti penyelesaian yang terbaik kerana tanah-tanah rizab kerajaan memanglah tidak boleh diberikan hakmilik tetapi kalau dirancang dengan baik, dikenal pasti tapak yang lebih sesuai tidak jauh dengan kedudukan sekarang saya percaya kita boleh menimbangkan permohonan yang berkenaan. Tentang pembesaran kampung saya harap akan dapat maklum balas secara berfakta dan saya akan sampaikan kepada Y.B. Sekinchan supaya ia nya dapat diteliti oleh kesemua sama ada di peringkat Daerah dan juga peringkat Negeri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Tuan Speaker. Soalan satu saya yang penting juga.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Iaitu balai raya yang waktu ini untuk DUN Sungai Air Tawar tak ada peruntukan kosong. Ada penjelasan daripada penjelasan Y.B. Menteri Besar.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Y.B. Sungai Air Tawar untuk tahun 2016 ini kita ada peruntukan yang besar untuk membaiki balai raya- balai raya di seluruh Negeri Selangor dan peruntukan ini bukan untuk kawasan yang diwakili oleh Kerajaan sahaja kita berlaku adil saya akan pastikan balai raya dalam kawasan Y.B.

juga akan mendapat peruntukan untuk membaiki dan membaik pulih balai raya di kawasan yang berkenaan itu jaminan daripada saya bagi pihak Negeri.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Terima kasih Y.B. Menteri Besar.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Jadual B26 iaitu wang sejumlah RM12,939,670.00 untuk kepala B26 Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B27, Jabatan Kehakiman Syariah RM32,044,887.00

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Pengerusi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya bagi Kota Anggerik dulu.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Pengerusi, pagi tadi kita bincangkan sejumlah besar ibu tunggal. Sudah pasti kes-kes ini dirujuk kepada Mahkamah Syariah, saya dimaklumkan jumlah fail yang ada di Mahkamah Syariah sangat banyak dan Vot 5050000, 11000. Saya difahamkan fail-fail untuk penyelesaian mahkamah di Mahkamah Syariah sangat banyak dan tak cukup kakitangan untuk menyelesaikan isu ini dan Mahkamah Syariah telah mengambil inisiatif dengan mengambil 60 kakitangan kontrak untuk selesaikan fail-fail yang ada dan dibayar ketika itu oleh MAIS. Saya difahamkan juga kakitangan ini akan diapa ini tempoh perkhidmatan mereka telah habis dan MAIS tidak mahu meneruskan untuk menggaji mereka. Sudah pasti ini memberikan beban kepada Mahkamah Syariah dalam menyelesaikan kes-kes tertunggak yang semakin bertambah di Mahkamah Syariah. Saya minta supaya Kerajaan Negeri mengambil inisiatif mempercepatkan untuk *absorb* kakitangan ini di bawah tanggungan Kerajaan Negeri agar kes-kes mahkamah Syariah yang tertunggak dapat diselesaikan dengan segera. Terima kasih Pengerusi.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Pengerusi, saya ingin merujuk Muka Surat 196 butiran 54100 Kod Objek 1300 dan 2900, Perkhidmatan Ikhtisas. Menyambung daripada apa yang disebut oleh Kota Anggerik saya juga sebenarnya nak menimbulkan persoalan yang dinyatakan iaitu pengambilan pegawai-pegawai kontrak di bawah Mahkamah Syariah ini, dah sampai masanya Kerajaan memikirkan tentang bagaimana memberikan ataupun bagaimana mengambil mereka ini kakitangan ini sebagai kakitangan yang tetap. Kes-kes yang agak mendesak adalah di Mahkamah Syariah sebagai selaku bekas EXCO banyak perkara-perkara yang dirujuk kepada saya yang mana di luar kemampuan yang saya boleh melakukan tetapi apa yang saya ingin cadangkan supaya pihak Kerajaan melihat semula keperluan kakitangan ini diserapkan bukan diberhentikan. Yang keduanya saya

ingin menimbulkan isu supaya Mahkamah Syariah menilai dan mengkaji semula keberkesanan sistem dan prosedur bagi klien Mahkamah Syariah dalam tuntutan keadilan, masih ramai lagi wanita yang tak tahu hak-hak mereka, jadi saya mencadangkan supaya Mahkamah Syariah dengan kerjasama dengan JAIS untuk melihat semula, mengkaji semula usaha-usaha kursus-kursus pra perkahwinan dan mewujudkan kaunseling, isu-isu kaunseling dan juga bagaimana untuk diterbitkan perkara-perkara ini di mahkamah. Saya dapati 99 peratus kes didapati agak terlewat. Jadi saya mohon supaya pihak mahkamah sentiasa memantau perkara-perkara ini dan apa yang kesan daripada perkara 99 peratus kes terlewat ini mengakibatkan bila mereka tiba, tidak mendapat *information* tepat, pergi balik, pergi balik banyak kos yang terlibat kepada mereka dan khususnya mereka ini bukan di dalam golongan yang berkemampuan. Seterusnya Pengerusi saya ingin bangkitkan tentang kos guaman, dah sampai masanya Mahkamah Syariah mengkaji kos guaman yang tinggi ya, kerana saya dapati kos guaman yang ditetapkan di bawah Mahkamah Syariah ini sebenarnya lebih mahal daripada kos guaman di Mahkamah Sivil. Jadi untuk banyak kes wanita terpaksa mengeluarkan hampir RM8,000.00 ke RM10,000.00 ya akhir-akhir ini saya dapat banyak aduan di Batu Tiga dan ini saya bawak isu ini sebab isu *genuine* sebab terpaksa kami mendahulukan bagi membolehkan wanita ini memfailkan untuk masuk ke mahkamah dan membayar peguam untuk kes ini boleh didengar, jadi saya harap ada tabungan khas ya bantuan guaman bagi wanita yang kurang mampu ini agar mampu menuntut hak mereka di mahkamah nanti ya. Sebenarnya yang dituntut adalah perkara-perkara wajib, wanita-wanita ini bukanlah menuntut benda yang bukan-bukan. Jadi saya harap perkara ini boleh dimaklumkan di samping isu kos guaman ini juga. Mungkin sudah sampai masanya Mahkamah Syariah ataupun dengan kerjasama pihak *Bar Council* dan sebagainya mesti dilihat sebenarnya di dalam kes ini, lesen kepada peguam yang diberi kalau dia lesen tu dapat di Selangor hanya boleh mengendalikan kes-kes di Selangor sahaja. Jadi dia kalau dia nak kendali kes wanita yang pada asalnya bercerai di tempat lain dan duduk di Selangor mereka kena ada 14 lesen seluruh Malaysia. Jadi ini satu benda yang saya rasa perlu di lihat oleh Mahkamah Syariah ada kajian dan perbincangan dan akhirnya bagaimana untuk memudahkan isu ini boleh diangkat oleh Peguam dan akhirnya wanita-wanita ini terbela.

Dan seterusnya pengerusi, saya ingin membangkitkan tentang isu penguatkuasaan perintah ye. Penguatkuasaan perintah mahkamah juga amat lemah saya nampak. Memanglah dengan kes mahkamah yang terbeban, banyak kes, bila dah jatuh hukum tetapi ada persoalan lain pula. Kes mahkamah itu tidak dapat dikuatkuasakan jadi supaya wajar dipertingkatkan kerjasama dengan pihak PDRM mungkin untuk memastikan mana-mana mereka yang melanggar perintah mahkamah dapat didakwa, didakwa oleh pihak Mahkamah Syariah.

Dan akhirnya pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya adakah pembaikan sistem kehakiman dalam konteks kalau bolehlah ye, bila berlaku satu-satu penceraian, bila jatuh hukum janganlah pula nanti wanita terpaksa faillkan lagi 6

perkara yang bersama. Ada 6 perkara yang sebenarnya terlibat bila satu-satunya kes penceraian. Di antaranya kes nafkah, nafkah, edah, mutaah, hadanah iaitu penjagaan anak-anak, harta sepencarian, yang kelimanya nafkah anak, yang keenamnya tempat tinggal. Cuba bayangkan satu kes penceraian mengakibatkan 6 proses lain yang perlu difailkan. Manalah wanita ada kemampuan untuk pergi ulang balik, pergi balik, pergi balik dan akhirnya saya dapat daripada anaknya baru lahir ia berlaku penceraian, sampai anak itu sudah keluar daripada universiti, kes tak selesai-selesai lagi. Jadi saya mohon benda-benda yang saya nyatakan, satu; tentang kakitangan sementara, kedua tentang kos guaman, ketiga tentang isu penguatkuasaan perintah, keempat tentang kebaikan sistem mahkamah ini dilihat supaya akhirnya Insya-Allah Selangor menjadi peneraju sebagai sistem kehakiman Mahkamah Syariah ini yang terbaik di Malaysia. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih pengerusi. Saya merujuk kepada aktiviti no. 4 1000 dengan kod objek 1000 dan 5000 di mana apa yang saya nak tarik perhatian adalah jumlah peningkatan anggaran bajet bagi tahun 2016 sebanyak RM32 juta berbanding dengan tahun lalu RM31 juta lima ratus. Peningkatan hanya 500,000.00 di mana pada sidang bajet yang lalu, saya telah membawa dua isu yang sara penting pertama; tentang imej mahkamah syariah. Kurang dilihat gahnya. Peruntukan perlu diberikan agar kegagahan mahkamah dapat ditampilkan bila hakim duduk di *bench* dia ada aura, bapa-bapa yang terlibat dalam menyelesaikan perkara ini ada rasa gerun kot untuk mengabaikan keputusan-keputusan. Jadi saya ingin mendapat penjelasan di manakah *bench mark* mahkamah di Shah Alam di bawah Ketua Hakim Syariah sendiri diwujudkan di negeri-negeri yang lain selepas tempoh masa setahun.

Keduanya, pada tahun lalu juga ada kaitan dengan tahun ini adalah apa yang dinyatakan sebagai *follow thru* di mana kebanyakan kes yang diputuskan di bawah Mahkamah Syariah hanya ibu-ibu, bekas isteri yang ada pengetahuan, ada inisiatif, ada kekuatan diberi kepada JAIS mengadu tetapi maknanya ada satu cadangan yang difikirkan oleh ketua hakim syariah bahawa mahkamah juga diberikan bukan hanya untuk memutus dan *follow up* kepada kes-kes kecuaian, pengabaian bekas-bekas suami dan sebagainya. Jadi, saya juga ingin menimbulkan isu yang diperkatakan oleh Kota Anggerik dan Batu Tiga tentang kes-kes yang tertunggak. Pada satu ketika, kalau saya boleh buat pengesahan hingga 20,000 kes tertunggak dan kalau kita lihat dalam senarai perjawatan, buku yang ada di sini muka surat 317 perjawatan mengikut kumpulan perkhidmatan, Kumpulan Pengurusan Tertinggi 2015, 2016 satu-satu seorang sahaja, tidak ada peningkatan. Kedua, Kumpulan Pengurusan Profesional 37 orang pada tahun 2015 dan 2016, 37 orang juga. Kumpulan Pelaksana bagi tahun 2015 168 orang, 168 dan bagi tahun 2016 juga 168. Jadi jumlah di jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor bagi tahun ini dan unjuran tahun hadapan tiada peningkatan. 206, 206 yang terbesar adalah di

kalangan Kumpulan Pelaksana. Jadi, saya rasa ini adalah satu *backlog* yang menunjukkan peruntukan hanya 500,000, tidak ada peningkatan dari segi kakitangan terutamanya dalam bidang Pengurusan Profesional banyak 37 orang yang dapat menangani kes yang itu tak dapat ditangani maka dia akan bertumpuk dari setiap tahun ke setiap tahun. Jadi, saya ingin mendapat pengesahan adakah benar bahawa sebahagian daripada kakitangan masih lagi dalam kes sementara atau *temporary* tidak sebagai satu yang apa erti disahkan, mengesahkan.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada Kota Anggerik, Batu Tiga dan Hulu Klang yang membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perbekalan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Mungkin saya kira Kota Anggerik dan Batu Tiga dan Hulu Klang melihat kepada kod 11000 di mana gaji dan emolumen tidak menurut penambahan ataupun perbezaan di situ yang mana mungkin sedia maklum dengan adanya pelantikan jawatan seramai 60 orang pada beberapa tahun yang lepas atas tujuan untuk menyelesaikan kes-kes yang tertunggak dan juga penubuhan Mahkamah Rendah Syarie di Ampang yang saya kira juga telah banyak membantu kes-kes penyelesaian kes-kes syarie di negeri Selangor ini. Dan saya kira pelantikan-pelantikan ini ekoran daripada titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa perasmian Mahkamah Syariah tempoh hari apabila didedahkan banyak kes-kes yang tertunggak dengan perjawatan-perjawatan yang sedia ada pada hari ini.

Dan, kalau kita lihat daripada 60 jumlah kakitangan yang dapat membantu menyelesaikan sebahagian daripada kes-kes yang tertunggak itu melibatkan jumlah lebih daripada 3juta RM daripada segi gaji dan juga daripada segi emolumennya yang mana sebelum ini dadalah ditanggung oleh Lembaga Zakat. Dan mereka akan tamat pada tahun ini dan sebahagiannya bermula pada penghujung Oktober mereka telah tamat dan saya maklum sehingga semalam pun saya tak tahu ada nombor yang tidak, saya tidak kenali

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Penjelasan

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : apa yang berlaku kepada mereka sebagai penjawat yang telah dilantik untuk menyelesaikan kes.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Cuma saya nak minta pencerahan, bagaimanakah kaedah maknanya staf yang diambil untuk membantu kes-kes mahkamah syariah dibayar gaji oleh MAIS, Lembaga Zakat. Apa mekanismenya, apakah peruntukan dari segi undang-undang yang ada.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Merujuk kepada sebelum ini kerana tiada diperuntukkan di bawah peruntuk Kerajaan Negeri apabila dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, maka menggunakan peruntukan daripada Lembaga Zakat digunakan untuk membiayai emolumen kepada penjawat awam ini.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Bukankah ianya merupakan satu tindakan ad-hoc ataupun satu perkara yang akan diteruskan dan dikekalkan, saya nak tahu.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya akan maklumkan selepas ini. Ekoran daripada itu apabila dibawa kes ini kepada Kerajaan Negeri, mencadangkan supaya daripada segi urusan emolumennya perlu diambil tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri yang mana ini juga adalah salah satunya jabatan yang di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Sebenarnya Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa emolumen ataupun pembiayaan bekalan, perbekalan ini di bawah tanggungjawab yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri pada awalnya kita mungkin terlepas pandang kerana kita melihat pendapatan daripada agensi-agensi agama ini tidak kira daripada jabatan-jabatan Agama Islam Negeri Selangor termasuklah Jabatan Kehakiman ini telah difatwakan bahawa hasilnya terus masuk kepada MAIS ataupun Tabung Baitulmal. Jadi, ekoran daripada itu kita telah membuat keputusan bahawa Kerajaan Negeri akan membiayai ataupun dari segi emolumennya Kerajaan Negeri dan jumlah kakitangan yang telah dilantik ini kita akan teruskan seramai 60 orang itu akan diteruskan supaya akhirnya kes-kes yang tertunggak ini akan dapat diselesaikan. Dan Alhamdulillah hasil daripada lantikan penjawat-penjawat ini kita dapat menyelesaikan banyak kes-kes yang tertunggak terutamanya di daerah, beberapa daerah. Saya ingat lebih daripada 50% daripada Mahkamah Rendah Syariah di daerah-daerah dapat menyelesaikan hampir 100% kes yang tertunggak dan pun begitu saya tak nafikan jumlah itu semakin, semakin meningkat saban tahun kerana saya kira dengan permasalahan mungkin masalah masyarakat sosial pada hari ini kes-kes ini semakin bertambah.

Perkara yang ditimbulkan oleh Batu Tiga tadi, selain daripada itu adalah berkaitan kursus pra-perkahwinan yang diminta untuk diperkasakan. Sebenarnya kursus ini berterusan malah di peringkat Jabatan Agama Islam bagaimana kursus-kursus ini dapat diperkasakan untuk mengurangkan jumlah kes-kes yang bermasalah dan kita memikirkan juga bukan sahaja sekadar kursus pra-perkahwinan tetapi kita sudah mula memikirkan pula pasca perkahwinan sebelum dan selepas berkahwin itu ada juga sebagai satu proses untuk memantapkan pasangan-pasangan yang mungkin sebahagian daripada kes-kes yang terpaksa apa ni, kes yang masuk ke mahkamah. Selain daripada itu saya kira di bahagian khidmat sokongan keluarga, kita ada bahagian yang boleh memberikan khidmat nasihat kepada mereka-mereka yang terlibat dalam kes-kes mahkamah ini terutamanya ibu-ibu tunggal ataupun ibu-ibu yang menghadapi kes-kes perceraian dan sebagainya untuk mendapat khidmat nasihat daripada pihak bahagian sokongan keluarga ini supaya mungkin sedikit sebanyak bantuan tentang prosedur dan sebagainya ini dapat dibantu kerana kita

tidak mahulah hanya mereka-mereka yang mempunyai kemampuan yang ke hadapan untuk menyelesaikan dalam kes-kes ini.

Jadi, selain daripada itu, tadi berkaitan dengan kos mahkamah yang dikatakan tinggi. Sebenarnya kalau ikutkan kos mahkamah ini tidaklah tinggi. Cuma apabila melibatkan peguam-peguam swasta ini yang menyebabkan pembiayaan yang besar untuk sehingga selesai kes-kes mahkamah ini. Sebenarnya saya ada perancangan untuk berjumpa dengan Persatuan Peguam-peguam Syarie pada sebelum hujung tahun ini untuk juga kita berbincang dengan mereka tentang bagaimana mungkin perkara-perkara ini juga boleh dibantu ataupun diselesaikan.

Kes daripada Hulu Kelang. Isu yang dibawa oleh Hulu Kelang saya kira setakat ini Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dalam proses untuk memperkasakan dan beberapa hasil yang saya kira sudah dapat menunjukkan penambahbaikan termasuklah tadi kalau bahagian sokongan keluarga bukan sahaja kita berikan nasihat-nasihat kepada mereka-mereka yang terlibat tetapi juga dalam memberikan bantuan nafkah awal sebelum defendan dapat melaksanakan perintah-perintah mahkamah di bahagian sokongan keluarga juga memberikan bantuan kepada mereka.

Berkaitan dengan perjawatan saya kira yang ditimbulkan oleh Hulu Kelang tadi itu adalah satu perkara yang memang ada kewajarannya. Pun begitu dalam soal perjawatan, kalau perjawatan kontrak seperti mana yang kita sedia maklum 60 kakitangan itu, kita boleh lantik di peringkat negeri tetapi untuk perjawatan yang tetap, ini sudah tentulah memerlukan jawatan yang keluar daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Dan setakat ini seperti mana kita sedia maklum, semua perjawatan-perjawatan dibekukan untuk masa ini.

Dan apa yang saya lihat baiknya juga pada hari ini dengan inisiatif yang dilakukan oleh Jabatan Kehakiman Syariah, bagaimana mereka juga sudah mengadakan ‘mobile mahkamah’. Bermakna satu *team* daripada mahkamah syariah Shah Alam (Selangor) turun bagi contoh ke kawasan perkampungan orang asli yang mana mereka tidak dapat mereka tidak dapat turun mahkamah syariah di peringkat daerah. Tetapi inisiatif daripada Jabatan Kehakiman Syariah ataupun Mahkamah Syariah Shah Alam sendiri turun kepada mereka dan menyelesaikan masalah di kalangan mereka dan saya dimaklumkan lebih daripada 50 kes setakat ini yang dapat diselesaikan dengan cara tersebut. Kita mengharapkan dengan adanya pemerksaan-pemerksaan seperti ini ia akan memberikan satu impak yang baik dari pandangan daripada

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Minta penjelasan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Mahkamah Syariah di masa akan datang.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Saya difahamkan ada kenyataan daripada pihak kehakiman, mana-mana dokumen dah lengkap, kes perceraian selesai dalam masa 6 jam. Makna dia (siapa) yang nak bercerai, terus bercerai. Tak payah nak bincang-bincang lagi.

YB DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Dia tidak bermaksud untuk memudahkan perceraian begitu. Tetapi maksudnya adalah proses perceraian yang kadang-kadang mengambil masa bukan satu tahun, bukan 5 tahun, kadang 10 tahun tak selesai-selesai. Tetapi sebenarnya di peringkat mahkamah sendiri, ada perkara-perkara yang boleh dipendekkan daripada jangka masa penyelesaian ini. Dan ini berjaya dilakukan dalam masa 6 jam yang biasanya boleh (perkara ini) sepatutnya diselesaikan dalam masa 90 hari, tetapi dapat dipendekkan dengan beberapa perkara yang mungkin dimudahkan daripada segi prosesnya menjadi 6 jam. Dan ini saya kira adalah satu dapatan yang baik dan ia dapat menyelesaikan sebahagian daripada besar kes-kes mahkamah yang berlaku pada hari ini. Cuma saya nak sebutkan di sini.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mencelah, mencelah, mencelah. Mohon mencelah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Ok. Memandangkan telah ada satu *improvement* ataupun pemberian tentang masa sehingga boleh dipendekkan sehingga 6 jam saja, saya nak tanyalah sama ada ke usaha selain daripada itu untuk yang saya sebut tadi sebab (apa ini) Exco tak jawab tentang usaha untuk mengharungkan sekali atau menyekalikan isu-isu yang berbangkit tentang hadanah, mutaah, penjagaan anak-anak dan juga tempat tinggal, nafkah anak-anak supaya bukan saja satu kes yang didengar bersekali tetapi 6 sekali kes yang didengar semasa perceraian berlaku. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya kira daripada segi prosiding tidak boleh sekali begitu. Sudah tentulah dia mengikut kes *by* kes. Pun begitu, mungkin boleh dia sebagai satu kemudahan kepada pihak plaintiff dan sebagainya. Kalau ada kes-kes yang berkaitan itu boleh diselesaikan dalam satu jangka tempoh dan saya akan dapatkan ketepatan daripada maklumat itu dan *insya-Allah* saya akan berikan kepada Batu Tiga nanti.

Cuma saya juga nak sebutkan di sini bahawa dengan adanya ‘mobile mahkamah’ yang saya sebutkan tadi, dia sangat membantu dan saya kira juga pada tahun-tahun yang hadapan (mungkin) sebab dia sampai kepada saya dah daripada Ketua Hakim

Syarie keperluan kenderaan untuk bergerak daripada mahkamah di Shah Alam ini sebagai satu ‘mobile mahkamah’ itu sendiri. Kenderaan seperti bas yang boleh ada kesesuaianya dan bila bergerak, dia terus boleh digunakan sebagai platform untuk kes ini diselesaikan kerana buat masa ini mereka menggunakan balai raya- balai raya yang tidak berapa kondusif yang kadang-kadang juga menjadi kekangan kepada proses penghakiman yang berlaku di sana. Dan ini juga memerlukan peruntukan yang mungkin yang agak tinggi. Dan kalau ini dapat dilakukan, maknanya ini antara kes yang pertama di Malaysia. ‘mobile mahkamah’ ini boleh menjadi satu pemerksaan kepada sistem itu sendiri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Jadual B27 iaitu wang sejumlah RM32,044,887 untuk kepala B27 (Jabatan Kehakiman Syariah) menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ‘ya’. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata ‘tidak’. Dipersetujui.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B29 - Perpendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) RM78,242,730.

TUAN SPEAKER : Jadual B29 iaitu wang sejumlah RM78,242,730 untuk kepala B29 (Perpendaharaan Negeri – Perbelanjaan Am) menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ‘ya’. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata ‘tidak’. Dipersetujui.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Jumlah Perbekalan RM2,747,399,483.

TUAN SPEAKER : Jumlah Perbekalan RM2,747,399,483 menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ‘ya’. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata ‘tidak’. Dipersetujui.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1 dan Fasal 2.

TUAN SPEAKER : Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ‘ya’. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata ‘tidak’. Dipersetujui.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Jadual.

TUAN SPEAKER : Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ‘ya’. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata ‘tidak’. Dipersetujui.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Pengurus, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah dipersetujui tanpa apa-apa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ini ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan segera. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata 'ya'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata 'tidak'. Dipersetujui.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang ketiga. Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan 2016. Aturan urusan mesyuarat seterusnya, Rang Undang-Undang Peruntukan Diraja (Pindaan) 2015. Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1959.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2014 perlu dipinda di bawah peruntukan-peruntukan bagi Kelas III dan Kelas IV. Bagi Kelas III, peruntukan telah bertambah daripada RM6,284,218.79 kepada RM6,416,985.56 iaitu pertambahan sebanyak RM132,766.77. Tambahan ini adalah untuk menampung perbelanjaan emolumen bagi kakitangan istana.

Bagi Kelas IV, peruntukan telah bertambah daripada RM12,940,195 kepada RM13,868,414.65 iaitu peningkatan sebanyak RM928,219.65. Pertambahan peruntukan adalah bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan Pejabat Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda.

YB Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Dengan penjelasan tadi, saya dengan ini mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Enakmen Diraja (Pindaan) 2015 dibaca kali kedua.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang

Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan (tak perlu kerana tak ada orang bahas). Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ini ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata 'ya'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata 'tidak'. Dipersetujui.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang kedua. Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1959.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1.

TUAN SPEAKER : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata 'ya'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata 'tidak'. Dipersetujui.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 2.

TUAN SPEAKER : Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata 'ya'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata 'tidak'. Dipersetujui.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tuan Pengerusi, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ini ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata 'ya'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata 'tidak'. Dipersetujui.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang ketiga. Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2015.

Aturan urusan mesyuarat seterusnya, Usul No. 37 Tahun 2015, Usul Peruntukan Pembangunan 2016.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut :-

"Bahawa menurut Seksyen 9, subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak RM1,440,000,000 dinyatakan dalam anggaran perbelanjaan pembangunan yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4(1) Akta yang sama, seperti mana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan".

JADUAL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2016

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
P.01	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	857,400,000.00
P.04	Perbendaharaan Negeri Selangor	2,600,000.00
P.08	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	18,000,000.00
P.10	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	7,000,000.00
P.12	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	373,000,000.00
P.13	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor	80,000,000.00

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
P.14	Jabatan Agama Islam Selangor	91,000,000.00
P.16	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri	3,000,000.00

Selangor		
P.17	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	8,000,000.00
	Jumlah	1,440,000,000.00

YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT SEKALIAN,

Sejumlah **RM7,000,000,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Bilion) telah diperuntukkan bagi siling Rancangan Malaysia Kesebelas Negeri Selangor (RMKe-11) untuk tahun 2016 hingga 2020. Jumlah tersebut adalah termasuk **RM1,440,000,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Bilion Empat Ratus Empat Puluh Juta) bagi membiayai projek-projek pembangunan negeri tahun 2016 di mana **RM1,375,400,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Bilion Tiga Ratus Tujuh Puluh Lima Juta Empat Ratus Ribu) diperuntukkan bagi perbelanjaan langsung manakala **RM64,600,000.00** (Ringgit Malaysia Enam Puluh Empat Juta Enam Ratus Ribu) adalah dalam bentuk pinjaman. Jumlah peruntukan mengikut Kepala adalah seperti dalam Usul Pembangunan 2016.

P.01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri

Sejumlah **RM857,400,000.00** (Ringgit Malaysia Lapan Ratus Lima Puluh Tujuh Juta Empat Ratus Ribu) telah diperuntukkan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM18,000,000.00** (Ringgit Malaysia Lapan Belas Juta) diperuntukkan kepada Pecahan Kepala 1 atau P.K 1 - Ekonomi. Peruntukan tersebut bertujuan untuk menampung perbelanjaan penyelidikan pembangunan ekonomi serta bagi perindustrian dan pelaburan. Bagi P.K 2 - Luar Bandar, peruntukan sebanyak **RM40,480,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Puluh Juta Empat Ratus Lapan Puluh Ribu) disediakan bertujuan membiayai program pembangunan ekonomi nelayan, petani dan penternak, program pembasmian kemiskinan, pembangunan ekonomi kampung tradisi, program pembangunan desa, kemudahan awam/ asas desa, naik taraf/ baik pulih jalan kampung serta pembangunan kampung baru. Bagi P.K 3 - Usahawan, peruntukan sebanyak **RM5,000,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Juta) disediakan untuk dana usahawan mikro Selangor, promosi usahawan, latihan usahawan mikro dan juga bagi program peningkatan keupayaan reka bentuk pembungkusan produk usahawan negeri Selangor. Manakala bagi P.K 4 - Sosial, sebanyak **RM68,260,000.00** (Ringgit Malaysia Enam Puluh Lapan Juta Dua Ratus Enam Puluh Ribu) disediakan untuk tujuan perkhidmatan masyarakat, pembangunan orang asli, program pembangunan modal insan, program Generasi Idaman Selangor (GEMS), hal ehwal pengguna, program kebudayaan dan hal ehwal selain Islam.

YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT SEKALIAN,

P.K 5 - Pendidikan, sebanyak **RM30,500,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Juta Lima Ratus Ribu) disediakan untuk tujuan program pendidikan, program pendidikan tinggi, projek bantuan sekolah, program kemahiran teknikal dan program pendidikan anak-anak pekerja ladang. Bagi P.K 6 - Wanita dan Kebajikan, sebanyak **RM7,100,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Juta Satu Ratus Ribu) disediakan untuk menampung perbelanjaan program pemberdayaan wanita dan keluarga, program kebajikan dan pembangunan kesihatan. Bagi P.K 7 - Generasi Muda dan Sukan, sebanyak **RM25,080,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Juta Lapan Puluh Ribu) disediakan untuk program berkaitan projek pembangunan generasi muda serta menaik taraf infrastruktur dan pembangunan sukan. Bagi P.K 8 - Kerajaan Prihatin, sebanyak **RM2,000,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Juta) disediakan untuk program kerajaan prihatin, pembangunan pekerja ladang dan juga bantuan NGO. Bagi P.K 9 - Perbandaran, sebanyak **RM20,528,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta Lima Ratus Dua Puluh Lapan Ribu) adalah bagi menampung kos kemudahan asas dan kemudahan awam PBT, pengangkutan, pengurusan sisa pepejal Pulau Ketam serta kerajaan tempatan.

Bagi P.K 10 - Pelancongan, peruntukan sebanyak **RM7,750,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Juta Tujuh Ratus Lima Puluh Ribu) disediakan untuk promosi dan naik taraf produk pelancongan serta memajukan hasil kraf tangan. Bagi P.K 11 - Teknologi Maklumat dan Inovasi, sebanyak **RM6,730,000.00** (Ringgit Malaysia Enam Juta Tujuh Ratus Tiga Puluh Ribu) disediakan untuk melaksanakan pembangunan ICT, projek sains, teknologi dan inovasi. Bagi P.K 12 - Alam Sekitar, sebanyak **RM11,065,000.00** (Ringgit Malaysia Sebelas Juta Enam Puluh Lima Ribu) disediakan untuk program alam sekitar, teknologi hijau serta pemuliharaan tapak pelupusan. Bagi P.K 13 - Adat Melayu dan Warisan, sejumlah **RM500,050.00** (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu Lima Puluh) disediakan untuk tujuan menaik taraf dan pembangunan tempat-tempat bersejarah di Negeri Selangor. Bagi P.K 14 - Perpustakaan, sejumlah **RM12,100,010.00** (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Satu Ratus Ribu Sepuluh) disediakan untuk pembangunan dan menaik taraf perpustakaan daerah, pekan dan desa. Bagi P.K 15 - Perumahan dan Hartanah, sebanyak **RM46,680,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Puluh Enam Juta Enam Ratus Lapan Puluh Ribu) disediakan untuk menampung kos bagi beberapa projek yang telah dikenal pasti. Ini adalah termasuk Projek Perumahan Rumah Selangorku, Program Pemulihan Projek Perumahan (TEPAT), Baik Pulih Projek Perumahan Rakyat, Projek Rumah Untuk Disewakan, serta Kehidupan Bandar Komuniti Sejahtera. Bagi P.K 16 - Pembangunan Bekalan Air Selangor, sebanyak **RM333,380,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Tiga Puluh Tiga Juta Tiga Ratus Lapan Puluh Ribu) disediakan oleh Kerajaan Negeri. Di antara projek-projek utama di bawah P.K ini ialah pembangunan Horas 600 dan 3,000, pembinaan loji rawatan air Labuhan Dagang Kuala Langat, projek penyaluran air mentah Sungai Bernam dan pembangunan loji rawatan Air Semenyih 2. P.K 17 - Projek Khas Negeri, sebanyak **RM96,700,010.00** (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Enam Juta Tujuh Ratus Ribu Sepuluh) disediakan untuk menampung kos bagi beberapa projek yang telah dikenal pasti. Ini adalah termasuk

fasa 2 projek pembinaan tempat letak kereta di Perpustakaan Awam Selangor, kerja menaik taraf kubah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah serta membina bangunan pentadbiran masjid berkenaan, kerja pemuliharaan dan menaik taraf dua buah masjid iaitu Masjid Sultan Ala'eddin Kampung Bandar, Kuala Langat dan Masjid Diraja Sultan Suleiman, Klang, kerja menaik taraf Facade (fasad) Kota Darul Ehsan, projek pembinaan tempat letak kereta awam bertingkat di Seksyen 5, Shah Alam dan kerja baik pulih Dewan Serbaguna Kuala Selangor. Bagi P.K 18 - Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES), sebanyak **RM46,250,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Puluh Enam Juta Dua Ratus Lima Puluh Ribu) disediakan untuk Pusat Khidmat Krisis Sehenti, Skim Kesihatan Wanita, Elaun Anak ke Nurseri, Skim Latihan Semula Pekerja, Urus Tadbir dan Pendemokrasian, Hadiah Anak Masuk Universiti, Skim Tunas, Tabung Warisan Anak Selangor dan Skim Mesra Usia Emas. Bagi P.K 19 - AM, sebanyak **RM79,296,930.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Sembilan Juta Dua Ratus Sembilan Puluh Enam Ribu Sembilan Ratus Tiga Puluh) disediakan untuk projek baik pulih bangunan kerajaan, pengambilan balik tanah dan pelbagai projek lain.

P.04 – Perbendaharaan Negeri Selangor

Sejumlah **RM2,600,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Juta Enam Ratus Ribu) telah diperuntukkan kepada Kepala P.04 - Perbendaharaan Negeri Selangor. Peruntukan tersebut adalah bagi pembangunan teknologi maklumat dan projek am pembangunan negeri.

YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT SEKALIAN,

P.08 – Jabatan Pertanian Negeri Selangor

Sejumlah **RM18,000,000.00** (Ringgit Malaysia Lapan Belas Juta) telah diperuntukkan kepada Kepala P.08 - Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM650,000.00** (Ringgit Malaysia Enam Ratus Lima Puluh Ribu) diperuntukkan kepada P.K 1 - Pembangunan Taman Agroteknologi. Bagi P.K 2 - Pembangunan Tanaman Kelapa, sebanyak **RM460,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Ratus Enam Puluh Ribu) diperuntukkan untuk membiayai program tanam semula dan pemuliharan. Bagi P.K 3 - Pembangunan Industri Padi, sebanyak **RM2,200,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Juta Dua Ratus Ribu) diperuntukkan untuk membiayai program peningkatan hasil padi. Bagi P.K 4 - Pembangunan Tanaman Buah-buahan, sebanyak **RM1,300,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta Tiga Ratus Ribu) diperuntukkan untuk membiayai kos pembangunan tanaman kekal dan tanaman singkat masa. Bagi P.K 5 - Pembangunan Tanaman Sayuran dan Kontan, sebanyak **RM700,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Ribu) diperuntukkan untuk membiayai program pembangunan tanaman sayuran (daun dan buah) serta pembangunan tanaman kontan. Bagi P.K 6 - Pembangunan Tanaman Herba Dan

Rempah Ratus, sebanyak **RM400,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Ratus Ribu) diperuntukkan.

Bagi P.K 7 - Pembangunan Madu Lebah dan Kelulut, sebanyak **RM300,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu) telah diperuntukkan. Bagi P.K 8 - Pembangunan Produk Hiliran Pertanian, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM1,200,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta Dua Ratus Ribu) manakala bagi P.K 9 - Pembangunan Tanah Terbiar, sebanyak **RM300,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu) diperuntukkan. Bagi P.K 10 - Pembangunan Tanaman Cendawan, sebanyak **RM700,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Ribu) diperuntukkan dan bagi P.K 11 - Pembangunan Golongan Sasar dan Belia Tani, sebanyak **RM3,200,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Juta Dua Ratus Ribu) diperuntukkan bagi perkara berkaitan program latihan golongan sasar, program promosi pertanian, jualan terus tanaman serta latihan belia dan usahawan, di samping inovasi dan teknologi pertanian. Bagi P.K 12 - Pembangunan Teknologi Fertigasi, sejumlah **RM960,000.00** (Ringgit Malaysia Sembilan Ratus Enam Puluh Ribu) diperuntukkan untuk pembangunan fertigasi tertutup dan fertigasi terbuka. Bagi P.K 13 - Pembangunan Kompleks Pertanian, sebanyak **RM5,200,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Juta Dua Ratus Ribu) diperuntukkan bagi tujuan pembinaan dan naik taraf Kompleks Pertanian Hulu Selangor dan naik taraf Bengkel Kejuruteraan Pertanian Tanjong Karang. Bagi P.K 14 - Pengurusan Perosak Bersepadu sebanyak **RM200,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu) telah diperuntukkan untuk program tersebut. P.K 15 - Pembangunan Bunga-bungaan dan Tanaman Hiasan, sejumlah **RM230,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Ratus Tiga Puluh Ribu) diperuntukkan.

P.10 – Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

Sejumlah **RM7,000,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Juta) telah diperuntukkan kepada Kepala P.10 - Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM2,400,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Juta Empat Ratus Ribu) diperuntukkan kepada P.K 1 - Pembangunan Pengukuran Sumber Hutan yang bertujuan untuk mengukur dan menanda hutan simpan, pembangunan sistem maklumat perhutanan dan rancangan pengurusan hutan, projek pencegahan dan pengawalan kebakaran hutan, pengurusan hidrologi dan zon penampungan hutan paya gambut, Central Forest Spine serta pensijilan hutan. Bagi P.K 2 - Program Pembangunan Sumber Hutan, sebanyak **RM700,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Ribu) diperuntukkan untuk projek dan program hutan tадahan air, tanaman mengaya, bakau, herba dan pokok nadir, serta penyediaan tapak semaihan. Dalam P.K 3 - Pemerkasaan Hutan, sebanyak **RM2,155,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Juta Satu Ratus Lima Puluh Lima Ribu) diperuntukkan untuk projek pembangunan hutan lipur, projek pembangunan pusat kecemerlangan hutan negeri, projek pembangunan hutan komuniti Kota Damansara, projek perhutanan bandar, pembangunan hutan pelajaran, tanaman hutan perkampungan, pemulihian kawasan terosot dan sensitif serta tanaman hutan tani. Seterusnya, P.K 4- Pembangunan Infrastruktur, sebanyak

RM1,095,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Sembilan Puluh Lima Ribu) diperuntukkan untuk Kompleks Perhutanan Sungai Buloh, pusat kecemerlangan hutan paya gambut, pembangunan taman negeri Selangor dan perhubungan jalan hutan. P.K 5 - Program Pemuliharaan Alam Sekitar, sebanyak **RM150,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Ribu) diperuntukkan manakala bagi P.K 6 - Program Penguatkuasaan Hutan, sebanyak **RM500,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu) telah diperuntukkan untuk perkara tersebut.

YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT SEKALIAN,

P.12 - Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor

Sejumlah **RM373,000,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Tujuh Puluh Tiga Juta) telah diperuntukkan kepada Kepala P.12 - Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM20,549,590.00** (Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta Lima Ratus Empat Puluh Sembilan Ribu Lima Ratus Sembilan Puluh) diperuntukkan kepada P.K 1 - Pelbagai Rancangan, bertujuan untuk membaik pulih cerun, membina jambatan, memasang lampu-lampu jalan dan lampu isyarat, meningkatkan aspek keselamatan jalan raya, pengambilan balik tanah dan untuk kerja-kerja permulaan. Bagi P.K 2 –

TUAN SPEAKER : Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa boleh duduk sebentar. Memandangkan jam sudah menunjukkan jam 4.30 petang, maka saya tangguhkan sesi dewan sehingga hari Rabu minggu depan, 11 November 2015 jam 10.00 pagi minggu depan. Saya ambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada semua ahli-ahli yang berhormat dan tenaga kerja yang menyambut Deepavali. Dewan ditangguhkan..

(Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang)